

"DAN hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali-Imran, ayat 104



KEBERANGKATAN RAJA DIKASIHI SERIKAN PERMATA HIJAU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 5).

Dikir Maulud bergema seluruh negara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Ogos. - Penanaman rasa kasih dan cinta mendalam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan amalan mulia yang bukan sahaja menyuburkan keimanan,

bahkan membentuk jati diri seorang Muslim. Bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh Negara Brunei Darussalam akan bergema dengan alunan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

selama 12 malam berturut-turut bermula 1 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 24 Ogos 2025 Masihi hingga 12 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 4 September 2025 Masihi.

>> Muka 13

Pesta Buku cerminkan komitmen jadikan membaca sebagai alat penting

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Sabtu, 23 Ogos. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara konsisten menganjurkan Pesta Buku Brunei setiap tahun dalam usahanya untuk meningkatkan penglibatan masyarakat menjayakan budaya ilmu dan membaca serta membina apresiasi terhadap karya seni dan penulisan buku,

Pesta Buku Brunei tahun ini diadakan selama 10 hari yang telah bermula dari 22 hingga 31 Ogos 2025 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini. Justeru, Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2025 berlangsung di Dewan Persidangan Utama, ICC disempurnakan

oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad. Hadir sama, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

>> Muka 16



Berita Utama



UNISSA perlu tampil aktif, responsif, proaktif menjadi gedung ilmu inklusif

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi bersama-sama hadir dalam Majlis Hafut Takharuj Kali Ke-15, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang diraikan atas kejayaan mereka yang bukan sahaja mencerminkan ketekunan dan kesungguhan, malah juga membawa harapan besar bagi generasi pelapis yang akan menerajui kepimpinan negara. Beta juga merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para ibu bapa dan para penjaga yang menjadi tunggak di sebalik pencapaian hari ini. Seterusnya kepada para pensyarah yang telah sama-sama berusaha untuk memastikan para graduan dapat bersama meraihan kejayaan mereka pada hari ini.

Pada tahun ini genaplah 15 tahun UNISSA melahirkan graduannya. Dalam meniti kedewasaan ini beta melihat UNISSA bukan sekadar gedung untuk belajar ilmu ugama tetapi berperanan penting menjadi sebuah gedung ilmu yang inklusif, dalam maksud ia

terbuka kepada kepelbagaian idea dan pendekatan baharu, namun dalam masa yang sama tetap berpasakkan nilai-nilai Islam. Beta berharap UNISSA akan dapat melangkah ke hadapan menjadi pelopor pengajian tinggi Islam yang holistik dalam era digital ini.

Era digital hari ini menjadikan dunia bergerak pantas. Oleh itu, UNISSA tidak boleh hanya jadi penonton dan berdiri di tepi arus perubahan yang pesat, tetapi sebaliknya perlu tampil menjadi pemain aktif yang responsif dan proaktif. Mungkin sudah tiba masanya bagi UNISSA untuk menilai semula pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, memperbaharui kurikulum, serta meningkatkan keupayaan literasi digital terkini dalam kalangan pelajar dan tenaga akademik. Beta percaya penguasaan terhadap teknologi pada hari ini bukan lagi satu pilihan, bahkan keperluan untuk kelangsungan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Islam seperti UNISSA.

Bidang-bidang ilmu tradisional seperti tafsir, hadis, fiqh masih saja mempunyai ruang yang sangat luas untuk diteroka semula dengan pendekatan yang lebih segar, khususnya apabila dihubungkan dengan teknologi digital. Di samping itu, UNISSA juga boleh menawarkan program *micro-credential* bersifat sepanjang hayat (Lifelong Learning) yang kandungan kurikulumnya adalah gabungan tradisional dan kontemporari.

>> Muka 15



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah bersempena Majlis Hafut Takharuj Universiti Islam Sultan Sharif Ali Ke-15 pada Khamis, 2 Safar 1447 Hijrah bersamaan 21 Ogos 2025 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	ISNIN	1	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.34	6.30	7.40
26	SELASA	2	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39
27	RABU	3	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.32	6.29	7.39
28	KHAMIS	4	4.46	4.56	6.15	6.37	12.23	3.32	6.28	7.38
29	JUMAAT	5	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38
30	SABTU	6	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
31	AHAD	7	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C		31 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C		31 24 °C	

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

25 OGOS 2025

Antara keterujaan dan harapan

AKHIR-akhir ini beberapa buah universiti kembali sibuk menguruskan majlis konvokesyen masing-masing di negara ini. Apa yang lebih membanggakan lagi ialah jumlah para graduan yang meningkat dalam pelbagai jurusan yang diambil. Momen menarung jubah graduasi, berarak bersama rakan sepengajian memasuki dewan konvokesyen dan naik ke pentas menerima skrol. Wajah-wajah ceria dan bangga kerana berjaya mengharungi cabaran dalam pembelajaran sehingga berjaya menggenggam ijazah merupakan satu momen yang tidak akan terlupakan. Begitu juga wajah bangga para ibu bapa, penjaga atau keluarga atas keberhasilan anak atau keluarga cukup menggambarkan bahawa segala penat lelah, pengorbanan masa, kewangan telah terbalas.

Itulah keindahan majlis konvokesyen, cumanya kita perlu berpijak di bumi nyata bahawa realiti sebenar 'di luar' majlis konvokesyen. Tetapi apa yang sering bermain dalam minda para graduan ini adalah kebimbangan dengan nasib mereka sesudah keluar dari menara gading. Adakah mereka akan berjaya mendapat pekerjaan sesuai dengan kelulusan yang mereka peroleh? Atau apakah mereka akan terus bergelut dengan nasib untuk mencari pekerjaan seperti yang diimpikan?

Kemajuan Revolusi Industri 4.0 yang berpaksikan kepada kebergantungan manusia pada kecanggihan teknologi terkini dalam memudahkan pelbagai urusan, secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan pengangguran graduan di luar sana. Akibatnya lebih ramai yang terpaksa mencari pekerjaan di luar bidang pengajian mahupun terpaksa menerima kadar upah yang tidak berpadanan dengan kelayakan.

Mari kita mengimbas semula Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa Majlis Konvokesyen Ke-25 UBD bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi pada Khamis, 6 Zulkaedah 1434H bersamaan 12 September 2013M :

"Beta difahamkan bahawa program GenNext ini bukan saja tertumpu kepada bidang akademik, malah juga menekankan sikap dan skil insaniah yang berguna bagi mengharungi alam pekerjaan."

"Selain dari skil insaniah, para graduan juga diseru agar tidak terlalu bergantung kepada agensi kerajaan dalam mencari pekerjaan. Carilah peluang di sektor swasta ataupun menceburi di bidang keusahawanan. Di sinilah peranan program GenNext dalam membentuk para graduan supaya lebih berdikari, terutamanya dalam aspek keusahawanan."

Di sini jelas bahawa graduan perlu berani dengan menceburi pelbagai bidang seperti bidang keusahawanan tanpa perlu bergantung pada agensi kerajaan kerana kita sudah berada pada zaman globalisasi yang lebih mencabar yang mana mereka yang lemah dan lambat bertindak akan jauh ketinggalan di belakang.

Melihat kepada senario persaingan semasa dan masa hadapan yang semakin kompetitif untuk graduan mendapatkan pekerjaan, situasi ini secara tidak langsung membuka mata bahawa memiliki segulung ijazah sahaja tidak mencukupi dan jaminan untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Mahasiswa seharusnya mengambil peluang semasa di universiti untuk menguasai bidang kemahiran yang lain, meningkatkan kemahiran komunikasi dan keterampilan diri serta menjadi individu yang lebih fleksibel dan versatil.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Keberangkatan raja dikasihi serikan Permata Hijau



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

TEMBURONG, Ahad, 24 Ogos. - Daerah Temburong atau dikenali sebagai 'Permata Hijau' menjadi lokasi pertama tumpuan rakyat dan penduduk daerah berkenaan bagi sama-sama menantikan dengan keriangin keberangkatan raja yang dikasihi ke majlis

keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda di Helipad Pekan Bangar (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Darussalam di Helipad Pekan Bangar, dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Yang Berhormat Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 serta Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Berangkat

sama,

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong (atas). Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bercemar duli pada majlis berkenaan (kanan, bawah dan bawah kanan).



PARA penuntut sekolah berbaris di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM serta kerabat diraja (kiri).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli berkenaan tidak dilepaskan begitu sahaja oleh pelbagai lapisan masyarakat di Daerah Temburong (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan tiba, baginda dijunjung berangkat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong sebelum

meneruskan keberangkatan ke Pentas Diraja di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar. Para penuntut sekolah beratur

di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan paluan hadrah bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM serta kerabat diraja.

Sejurus berangkat tiba di Pentas Diraja, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung bagi menyaksikan Persembahan

Khas bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara' yang melibatkan seramai 333 orang peserta terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Sultan Hassan, sekolah rendah, hadrah, koir, pembawa bendera, koreografi, pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga *live band*.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat ke Pentas Persembahan Khas untuk sesi

bergambar ramai bersama para peserta dan seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong.

Keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli berkenaan tidak dilepaskan begitu sahaja oleh pelbagai lapisan masyarakat di Daerah Temburong, kerana ia merupakan peluang keemasan bagi mereka untuk menjunjung ziarah raja yang berjiwa rakyat dan penuh pemedulian.

>> Muka 5



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong (atas, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





>> Muka 4

Turut menjadi tumpuan baginda semasa bercemer duli berkenaan ialah 'Karya Butir Kasih' hasil ciptaan Muhammad Miqdam Zaini, 31 tahun, yang mempamerkan potret Kebawah DYMM yang dihasilkan menggunakan butiran beras iaitu empat jenis beras-beras tempatan Daerah Temburong yang disusun secara teliti mengikut keseimbangan tona warna dan mengambil masa selama sebulan untuk siap.

Muhammad Miqdam Zaini ketika ditemui berkata, karya

'Butir Kasih' merupakan sebuah penghormatan Kepada Majlis Kebawah DYMM, mencerminkan peranan baginda sebagai payung rakyat dan lambang perpaduan negara.

Turut dipamerkan juga ialah Pameran Wajid Temburong 79, yang mana ia merupakan pameran Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang mengetengahkan makanan tradisi yang terkenal di Daerah Temburong iaitu Wajid Temburong dengan di struktur menjadi bentuk angka 79 yang disediakan khas bagi menampilkan dan melestarikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar (atas dan kiri).

warisan makanan tradisi di daerah berkenaan.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong berkenaan juga melibatkan rakyat dan penduduk daripada beberapa mukim-mukim dari Zon 1 dan Zon 2 di daerah berkenaan.

Antara yang turut menyertai perhimpunan berkenaan ialah badan-badan persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) di daerah berkenaan antaranya Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA);

Persatuan Kegiatan Warga Emas (PKWE); Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA), Cawangan Temburong; Persatuan Anggota Polis Diraja Brunei Yang Bersara (POLSARA); Persatuan PERTIWI, Daerah Temburong; Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI), Daerah Temburong; Persatuan Saudara-saudara Baru Temburong (PESAT); Persatuan Masyarakat Iban Temburong (PMIT); Persatuan Masyarakat Cina; dan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei. Selain itu, Bank

Islam Brunei Darussalam (BIBD), Jabatan Perikanan, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Temburong, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kelab Sumpit Lun Tau, dan Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Beberapa syarikat agensi pelancongan seperti Anthony Tours & Travel Agency Sdn. Bhd. dan Freme Travel Services Sdn. Bhd. juga turut menyertai perhimpunan pada Majlis Ramah Mesra berkenaan.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan memotong Kek Hari Keputeraan baginda ke-79 tahun. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Abdul Hadi bin Ali.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Utama, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Terus berkembang pesat dengan pembangunan, Daerah Temburong yang mempunyai lebih 10,000 penduduk di lima buah mukim itu kaya dengan flora dan fauna menjadikan daerah berkenaan mempunyai reputasi tinggi dalam sektor destinasi ekopelancongan di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong Kek Hari Keputeraan dan seterusnya berkenan beramah mesra (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar bawah kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Abdul Hadi bin Ali.



'RAJA BERWAWASAN INSPIRASI KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN NEGARA' PERSEMBAHAN ISTIMEWA BUAT RAJA TERCINTA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Persembahan khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kanan).

TEMBURONG, Ahad, 24 Ogos. - Persembahan khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong yang dipersembahkan kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi tahun ini mengetengahkan beberapa ciri yang istimewa sebagai kenang-kenangan buat raja tersayang.

Bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara', persembahan yang melibatkan lebih 300 peserta itu dalam simbolik untuk mempersembahkan dan menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah raja berwawasan mencekuri inspirasi rakyat menuju kesejahteraan dan kemakmuran. Cetusan tersebut menjadi nadi dan semangat rakyat terhadap raja tercinta.

Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong, Pekan Bangar ini juga begitu bersemangat dan berwarna-warni hasil kejayaan para peserta dengan konsep yang mereka tampilkan iaitu 'Raja Saksama Negara Sejahtera'.

Sebuah manifestasi cinta dan kesetiaan rakyat kepada raja, dizahirkan melalui tarian warisan pelbagai puak dan masyarakat di Daerah Temburong

PERSEMBAHAN Khas memeriahkan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong, Pekan Bangar dengan berkonsepkan 'Raja Saksama Negara Sejahtera' (atas kiri, kiri, kanan, bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

yang berpadu, menenun tradisi dan budaya menjadi lambang keharmonian daerah di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan tampuk pemerintahan baginda.

Suasana keceriaan persembahan juga merupakan kepuasan para peserta yang bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah kerana apa yang mereka persembahkan adalah demi kecintaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menyayakan lagi sambutan menerusi penglibatan yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Sultan Hassan seramai 136 orang bagi bahagian gerak laku, 30 orang bagi pasukan hadrah, 42 pelajar terlibat dalam pasukan koir dan 12 orang pembawa utap.

Persembahan selama lebih kurang 15 minit itu juga turut

menyaksikan seramai 20 murid sekolah rendah dan hasil persembahan yang begitu padu daripada 30 orang koreografi dan juga pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei seramai 50 anggota serta 10 ahli mempersembahkan *live band* mereka.

Sementara format persembahan pula mengabungkan irama tradisional dan pop etnik kreatif sebagai gambaran rakyat yang bersatu padu dalam menaani budaya Brunei, dengan format persembahan tersebut menampilkan tiga segmen yang melibatkan gabungan belia-belia Negara Brunei Darussalam serta penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Hassan.

>> Muka 7





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.

>> Muka 6

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual pencipta lagu yang turut menyerikan persembahan kali ini iaitu Awang Farhan bin Haji Anwar atau lebih dikenali sebagai Hans Anwar yang juga menyusun muzik berbesar hati dan bersyukur dengan penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepadanya buat pertama kali Majlis Ramah Mesra bagi daerah bumi permata hijau tersebut.

Meskipun pembuatan tiga

buah lagu baharu yang dipersembahkan itu dihasilkan lebih kurang satu minggu, beliau juga bersyukur kerana menerima sambutan dan penerimaan yang begitu menggalakkan dan *feedback* yang begitu baik sekali.

Adapun lagu-lagu tersebut juga diciptakan dengan mengentengahkan identiti Daerah Temburong sebagai bumi permata hijau dengan berirama genre pop etnik kontemporari atau etnik

kreatif iaitu menggabungkan instrumentasi lama dan asli dengan muzik moden kontemporari.

Tiga lagu baharu berkenaan ialah 'Keperibadian Raja Tercinta' yang merupakan genre pop zafin, 'Kemakmuran Temburong' yang begitu *catchy* dengan genre pop kreatif serta 'Kemajuan Sepanjang Pemerintahan' adalah lagu finale yang menggabungkan kombinasi muzik yang dekat dengan orang Temburong.

Sementara dari segi pemilihan penyanyi pula adalah yang memang *versatile* dan dari berbagai *background* yang boleh menyanyikan rentas asli, pop tradisional dengan gaya mereka tersendiri. Penyanyi-penyanyi tersebut antaranya Daniel Sajohan, Krunn Yusof, Ampuan Fathrullah, Umi Hazimah, Diana dan Muqsih.

Selain itu, Hans Anwar juga melahirkan penghargaan terima kasih atas lantikan yang memberikan kepercayaan kepadanya dari Jabatan Daerah Temburong dan juga kepada koreografi yang menata dan reka tarian bersesuaian dengan

lagu-lagu yang dihasilkan meskipun dalam waktu singkat namun kegigihan mereka membuat persembahan dengan berjaya jua akhirnya.

Manakala Awang Mohamad Asyramisyane bin Kamis selaku Ketua Jurulatih Koir yang juga memikul tugas dalam acara persembahan turut bersyukur dan berterima kasih di atas kegigihan dan kesungguhan dari latihan para peserta membuktikan mereka mampu mempersembahkan dengan meriah dan jayanya.

Tambahnya, mereka telah menjalani latihan sejak awal Mei sehingga ke peringkat pertengahan bermula di Sekolah Menengah Sultan Hassan pada bulan Jun sehingga ke peringkat latihan kelompok diikuti dengan latihan sepadu dan akhir masuk ke peringkat rehearsal dan sehinggalah pada kemuncaknya hari ini.

"Hasil daripada latihan mereka selama ini, menunjukkan mereka telah berjaya membuat satu persembahan yang bertenaga, mantap dan bermutu tinggi," jelasnya.

Bukan itu sahaja, tambahanya, persembahan mereka juga dapat dirasakan dari keterujaan mereka apabila Kebawah DYMM dan kerabat diraja bercemar duli dan menyaksikan persembahan menambahkan lagi rasa kasih dan sayang mereka sekali gus menjadi pemangkin untuk mereka menghasilkan persembahan yang terbaik.

"Kelainan pastinya dapat dilihat daripada persembahan yang telah dipamerkan dan ia bukan sahaja memberikan gambaran akan kelebihan para peserta dalam menjayakan acara malah membuktikan komitmen dan rasa kecintaan kepada raja tercinta serta kerabat diraja yang lainnya," tambahanya lagi.

Keseluruhan para peserta merafakkan dan menyembahkan Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik dan mendoakan baginda dikurniakan kesihatan yang berterusan dan dilanjutkan usia serta sentiasa dalam inayah Allah bersama kerabat diraja serta memimpin negara dalam aman sejahtera dan makmur yang berkekalan. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.



Persembahan khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong yang dipersembahkan Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja (atas, atas kiri dan atas sekali kiri).

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali).

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler (kiri), dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing yang akan menamatkan perkhidmatan

berlangsung di Istana Nurul Iman, petang tadi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

Puan Yang Terutama Gerda Winkler telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 September 2020.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya

berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai. Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM pada 20 Oktober 2022.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Koordinator bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing (atas dan atas kanan). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Koordinator bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun

Sing. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, petang tadi.

Menyertai Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Panglima Tentera Darat Singapura, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Cai Dexian dan pegawai - pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, Republik Singapura.

NBD dan Republik Singapura mempunyai hubungan pertahanan yang erat dan lama sejak 1976, yang telah diperkukuhkan lagi melalui perjanjian - perjanjian rasmi, Dialog Dasar Pertahanan, pertukaran lawatan di peringkat tertinggi, eksekutif ketenteraan, kursus dan pelbagai aspek kerjasama. Kedua-dua negara akan meraikan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Pertahanan pada tahun 2026.



KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler, dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai (atas dan bawah). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambah.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke

Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



DPMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing yang akan menamatkan perkhidmatan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap secara berasingan dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Winkler dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai (iri sekali dan kiri).

Mahkota seterusnya menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan

Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.

Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Panglima Tentera Darat Singapura, Mejar Jeneral Cai Dexian, dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, Republik Singapura.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.



Pesta Konvo UTB dirasmikan



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

TUNGKU LINK, Sabtu, 23 Ogos. -

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo UTB Ke-10, 2025 (kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan sabda.

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo UTB Ke-10, 2025.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Bangunan Sekolah Sains Gunaan dan Matematik UTB, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB dan Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir, ahli-ahli Majlis UTB, pegawai-pegawai kanan kerajaan, tetamu-tetamu jemputan serta para kakitangan dan pelajar UTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan sabda perasmian Pesta Konvo UTB Ke-10, disusuli dengan laungan takbir dan tayangan multimedia.

>> Muka 11



MAJLIS dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani plak dan seterusnya berkenan menyaksikan tayangan multimedia (atas dan atas kiri). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai (kiri dan bawah kiri).

>> Muka 10

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya mengurniakan

berkenan sabda

perasmian Bangunan Sekolah Sains Gunaan dan Matematik UTB yang baharu siap dibina, dan kemudian menyaksikan

siri persembahan kebudayaan oleh kelab-kelab pelajar universiti, yang menampilkan hapkido, tarian tradisional

Brunei, gulintangan dan hadrah.

DYTM kemudian berkenan menyaksikan pameran bertemakan 'Bridging Ideas, Building Futures - Collaboration Across Disciplines'.

Tema tersebut meraikan komitmen UTB terhadap kerjasama antara disiplin sebagai pemangkin kepada inovasi, kemajuan dan impak dunia nyata.

Dengan menghubungkan idea daripada bidang seperti sains, kejuruteraan, teknologi, reka bentuk dan keusahawanan, UTB memperkasa para pelajar untuk bersama-sama mencipta penyelesaian yang membentuk masa hadapan lestari, berdaya saing dan global.

Pesta Konvo pada tahun ini mengetengahkan lapan projek dihasilkan oleh para pelajar

yang menamatkan pengajian, di bawah tema tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima Pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTB dengan tema 'Naskah Titipan Budi' dan juga bergambar ramai bersama ahli-ahli MPP UTB 2025/2026.

Pelbagai acara telah disusun bersempena dengan Pesta Konvo UTB Ke-10 2025 termasuk Majlis Khatam Al-Quran, UTB Carnival 2025, UTB INNOFAITH 2.0, Wellness in Motion x Byte Walk, International Culture Day 2025, INTER-Faculty Programme, UTB Bersamamu 2.0, Drive The Change: Innovation and Sustainability dan UTBerjaya.

Pesta konvo yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk meraikan para pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka dan akan menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UTB pada 3 September 2025 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DYTM berkenan berangkat ke Pesta Konvo UTB Ke-10, 2025 (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan dan menyaksikan persembahan. Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir.



DPMM FC menang 2-1 ke atas Falcon Sports



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bagi menyaksikan perlawanan berkenaan. Turut berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

JERUDONG, Sabtu, 23 Ogos. - Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) semalam menyaksikan pertemuan sengit antara DPMM FC dan Falcon Sports yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, dengan DPMM FC menamatkan aksi penuh mendebarkan itu dengan kemenangan 2 - 1.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat menyaksikan perlawanan tersebut,

anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut memperkuat pasukan DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku ketua pasukan.

Dalam aksi separuh masa pertama, DPMM FC mendahului gol pertamanya melalui hasil jaringan Musa Maliki Haji Muhammad Nirwan pada minit ke-41.

Falcon Sports kemudian menyamakan kedudukan pada minit ke-83 menerusi Md. Armand Azhari Abdul Rahman, namun Mohammad Haikal Ridzwan Mohammad Aliuddin memastikan kemenangan DPMM FC dengan gol penentuan pada masa tambahan minit ke-93.

Sementara itu, saingan Liga Belia Brunei U18 akan diteruskan pada Ahad, 24 Ogos 2025 dengan tiga perlawanan dijadualkan: Rimba Star FC bertemu FC Phosphor; Indera SC menentang Muaz FT; dan BSR Football berdepan Dash FA.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Shahwal Ibrahim Tajudin



ANAKANDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai pasukan DPMM FC selaku ketua pasukan (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada para penyokong yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut.



DIKIR SYARAFIL ANAM SEMARAKKAN MAULUD

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Ogos. - Sempena memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kini bermula dengan pembukaan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi selama 12 malam berturut-turut mulai malam tadi.

Bagi menghidupkan lagi sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Bercorak Keagamaan Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam turut diadakan di Istana Nurul Iman.

Antara yang hadir di majlis berkenaan adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir di Majlis Bercorak Keagamaan Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Istana Nurul Iman.

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim, dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Mohammad Khairuddin bin Haji Meraji.

Manakala tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah' disampaikan oleh Awang Muhammad Safwan bin Mohd.



Sofian.

Seterusnya persembahan diteruskan dengan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal daripada JPM, sementara Dikir Khairuman dari Badan Ugama Islam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara membawakan Dikir Bisyrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI),

Bahagian Sekolah Ugama (Brunei I).

Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abdul Ghani dan Doa Pelihaikan Sultan dibacakan oleh Awang Haji Md. Azrol bin Haji Zaini.

Turut hadir ke majlis berkenaan adalah para pegawai dari JPM, Badan Ugama Islam PPDB, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dan JPI, Bahagian Sekolah Ugama (Brunei I).

Bagi jemaah perempuan pula, majlis diadakan di Surau Kecil, Istana Nurul Iman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah

Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar, disusuli dengan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pegawai JPI, (Brunei I), Dayang Siti Zaharinah binti Abd. Wahab.

Manakala tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah' disampaikan oleh Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yussof.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal daripada JPM, sementara Dikir Khairuman dari Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), dan Muslimah Masjid RPN Kampung Bukit Beruang membawakan Dikir Bisyrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa oleh JPI, Brunei I.



ANTARA jemaah perempuan yang hadir di Surau Kecil, Istana Nurul Iman, bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

DIKIR MAULUD BERGEMA SELURUH NEGARA

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud bagi tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

>> Muka 1

Majlis Pembukaan Dikir Maulud bagi tahun 1447H/2025M berlangsung malam tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, menandakan bermulanya Majlis Dikir Syarafil Anam di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri.

Turut hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia



Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; serta pegawai kanan kementerian, ahli jawatankuasa dan jemaah masjid.

TAZKIRAH bertajuk 'Kelebihan Selawat' disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Majlis ini bertujuan memakmurkan masjid, mengimarahkan syiar Islam, memperingati hari-hari kebesaran Islam, serta mengeratkan hubungan silaturahim antara warga KHEU dengan masyarakat setempat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin tetamu kehormat, diikuti tazkirah bertajuk 'Kelebihan Selawat' disampaikan oleh Timbalan Pengarah / Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Persembahan Dikir turut

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

memeriahkan majlis, dimulai dengan Dikir Assalamualaika oleh Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr, diikuti Dikir Khairuman Syambas oleh Gabungan Pasukan Dikir Kampung Belimbing dan Kampung Subok.

Seterusnya, Pasukan Dikir KUPU SB mempersembahkan Dikir Bishahrin, Pasukan Dikir Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah mempersembahkan Dikir Al-Ham, dan Kumpulan Dikir Persatuan Perangkap mempersembahkan Dikir Badat

Kopi. Majlis diakhiri dengan Dikir Asyraqal oleh Pedikir Jabatan Pengajian Islam bersama Pasukan Dikir Pusat Da'wah Islamiah, KHEU.

Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah, diikuti bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Berselawat ke atas Rasulullah amalan yang agung

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Ogos. - Sesungguhnya amalan berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu amalan yang agung.

Maka sangat dianjurkan kita untuk memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana banyak kelebihan atau fadilat utama amalan berselawat.

Perkara tersebut antara yang disentuh dalam Tazkirah bertajuk 'Kelebihan Berselawat'

disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Masjid Kampung Penabai, Kuala Tutong, Awang Muhammad Syuwari bin Ilham, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-195, malam tadi.

Antara kelebihan atau fadilat utama amalan berselawat jelasnya ialah untuk menzahirkan tanda cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga untuk mendapatkan ganjaran yang berganda di sisi Allah Subhanahu

Wata'ala.

Selain itu katanya, supaya dekat dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak, seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maffhumnya: "Orang yang paling hampir denganku pada hari kiamat ialah mereka yang paling banyak berselawat ke atasku". (Hadith Riwayat at-Tirmizi)

Di samping itu juga menurutnya, supaya doa-doa kita lebih cepat dimakbulkan, seperti mana yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Musayyab, Sayyidina Umar Al-Khattab Radiallahuanhu yang

maksudnya: "Sesungguhnya doa itu akan tergantung di antara langit dan bumi, tidak akan terangkat sehinggalah kamu berselawat ke atas Nabi kamu Shallallahu Alaihi Wasallam".

Terdahulu itu, Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Naib Yang Di-Pertua Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), Awang Haji Muhammad Khairul Alaika bin Haji Abdul Aziz, bersiaran dari Dewan Serbaguna, PESATU.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pemangku Penolong Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, KHEU, Awang Muhammad Salihan bin Samra, manakala, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Ugama, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Muhammad Nur Naquiddin bin Haji Rosman dari Dewan Serbaguna, PESATU.

Selesai Tazkirah, acara diteruskan dengan Selawat Asyghil dipimpin oleh Pegawai Mubaligh, Pejabat Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU Awang Nur Mizan Syafie bin Nor Hashim dari Dewan Serbaguna PESATU.

Kemudiannya, Doa Peliharakan

Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Md. Afif bin Dato Seri Setia Dr. Haji Japar dari Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Malam Munajat kali ini diserikan oleh ahli-ahli (PESATU). Turut serta ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Kampung Penabai, Kuala Tutong, dan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun serta dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Juga hadir, warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir secara maya pada Malam Munajat Kali Ke-195.

DIKIR MAULUD SEMARAKKAN MAULIDUR RASUL



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf kepada wakil masjid berkenaan (atas dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Pembukaan Dikir sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis Pembukaan Dikir Maulud dimulakan dengan menunaikan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan wirid, doa dan Surah Al-Fatihah.

Acara diteruskan dengan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam yang dipersembahkan oleh kumpulan dikir gabungan Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, pegawai-pegawai JPM, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban dan bacaan doa agar terselamat daripada bala bencana dan segala penyakit serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat kepada wakil Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Kira-kira 250 orang menghadiri majlis tersebut, terdiri daripada Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi sama-sama memeriahkan majlis pembukaan dikir berkenaan.

Acara pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-undang JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



ANTARA yang hadir memeriahkan lagi majlis tersebut bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas dan atas sekali kiri).

Keputusan Peperiksaan SPB Jun 2025 dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Ahad, 24 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) - Jun 2025 akan dikeluarkan pada Isnin, 25 Ogos 2025.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan berkenaan boleh mengambil slip / sijil masing-masing di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, pada waktu bekerja iaitu Isnin hingga Khamis, dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan dari pukul 1.30 petang hingga 3.00 petang, serta pada Sabtu, dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah sekuriti dan keselamatan tambahan, kawasan dalam lingkungan 3 batu nautika (5.56 kilometer) radius dari lokasi di bawah adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada 24 dan 30 Ogos 2025.

Kawasan-kawasan tersebut ialah di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong pada Ahad, 24 Ogos 2025 dan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, Daerah Belait pada Sabtu, 30 Ogos 2025.

Di bawah pengisytiharan ini, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh), tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara tersebut kecuali yang mendapat keizinan. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 50 Perintah Penerbangan Awam, (CAP 290).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, di talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel: unmanned.aircraft@dca.gov.bn.

Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan ini.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025
2. 'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'. Tarikh Tutup : 3 September 2025
3. 'Peranan Guru Dalam Membangunkan Modal Insan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 10 September 2025

TERMA DAN SYARAT :


1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA KUNJUNGAN RASMI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menerima kunjungan rasmi daripada Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat bersama Tuan Yang Terutama semasa sesi bergambar ramai.

Hormat serta memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Tuan Yang Terutama kemudian mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Semasa kunjungan itu, kedua belah pihak menyatakan rasa gembira dengan kerjasama

pertahanan yang rapat dan kian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura yang telah dikukuhkan melalui Dialog Dasar Pertahanan, pertukaran lawatan yang aktif, ekseseis tentera, latihan dan kursus.

Turut hadir di kunjungan itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; dan Panglima Tentera

Darat Singapura, Mejar Jeneral Cai Dexian, serta Ahli-ahli Eksekutif Pertahanan NBD.

Tuan Yang Terutama Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura sedang mengadakan lawatan rasmi ke NBD dari 22 hingga 23 Ogos 2025 sebagai sebahagian dari rangka lawatan pengenalan beliau ke negara-negara sahabat di rantau ini.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Kementerian Pertahanan telah menerima kunjungan rasmi daripada Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.

Kunjungan ini berikutan pelantikan beliau pada 23 Mei

2025.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing telah disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, dan seterusnya menerima Tabik

Majlis Konvokesyen KIGS raikan 125 graduan

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Seramai 125 orang graduan Kolej International Graduate Studies (KIGS) diraikan dalam Majlis Konvokesyen KIGS 2025 yang berlangsung di Lobi Bangunan Utama, kolej berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang seterusnya berkesudian menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para pelajar dan graduan yang diraikan.

Majlis Konvokesyen KIGS tahun ini yang membawa tema

'Memperkasakan Kecerdasan Buatan (AI), Kreativiti dan Inovasi', dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada pelajar program Tamhidi UNISSA, Muhammad Haziq bin Mohamad Hasrin sebelum diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KIGS, Awang Haji Mahrub bin Awang Haji Murni.

Dalam ucapannya, Ketua Pegawai Eksekutif KIGS itu antara lain menyentuh mengenai peranan transformatif teknologi baharu khususnya Kecerdasan Buatan (AI), dalam membentuk masa depan negara.

Beliau menegaskan bahawa hala tuju ke hadapan ini selaras

dengan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti yang dititahkan semasa Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 2025 yang lepas.

Menegaskan semula peranan KIGS dalam wawasan negara, beliau dalam ucapannya juga menekankan komitmen kolej untuk memupuk ekosistem pembelajaran yang memperkasakan pelajar melalui teknologi, kreativiti, inovasi dan pendidikan berkualiti tinggi.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan persembahan video korporat dan diikuti dengan persembahan koir oleh para pelajar KIGS, sebelum kemuncak acara iaitu penyampaian sijil kepada graduan yang diraikan.

Sementara itu, majlis turut diisi dengan pengiktirafan kecemerlangan akademik melalui penganugerahan dua anugerah berprestij iaitu Anugerah Kecemerlangan Pengiran Setia Jaya dan Anugerah Pelajar Terbaik oleh Fakulti yang disampaikan kepada pelajar yang berprestasi tinggi.

ANTARA ibu bapa dan ahli keluarga yang hadir pada majlis konvokesyen tersebut (kanan), manakala gambar bawah, persembahan koir oleh para pelajar KIGS.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para graduan.



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Seiring dengan itu, aspek Penyelidikan dan Pembangunan adalah mustahak diberi keutamaan. Ia adalah teras utama kepada kecemerlangan sebuah universiti. UNISSA perlu memacu budaya penyelidikan berimpak tinggi, iaitu penyelidikan yang tidak hanya tertumpu kepada akademik semata-mata, tetapi juga yang berkait rapat dengan isu-isu semasa, cabaran masyarakat, serta pembangunan dasar dan penyelesaian kepada permasalahan sebenar. Sebagai contoh ialah penyelidikan dalam bidang halal dan sains makanan. UNISSA boleh menerajui penyelidikan yang berkaitan dengan teknologi pengesanan halal dan kajian piawaian halal serantau yang boleh memberi impak positif kepada integrasi sistem jaminan halal. Di samping itu, penyelidikan di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam yang digandingkan dengan teknologi moden juga amat diperlukan. Ini adalah bagi merangka penyelesaian untuk membantu golongan kurang berkemampuan untuk meningkatkan tahap sara diri dan kesejahteraan ekonomi keluarga, agar mereka ini tidak terus tercicir daripada pembangunan arus perdana.

Beta juga ingin melihat kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, dan pihak industri diperkasa dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan. Usaha ini boleh dijayakan melalui geran kolaboratif dan perkongsian pakar.

Dengan gabungan yang kuat seperti ini, UNISSA setentunya akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai pusat ilmu yang unggul dan diiktiraf di peringkat serantau dan global.

Akhirnya, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Senat, Rektor, Pegawai-Pegawai Utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan UNISSA atas segala sumbangan dan penglibatan mereka dalam menjayakan Majlis Haflut Takharrij Ke-15 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas dengan ganjaran berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PENYERAHAN SUMBANGAN BAGI TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menerima sumbangan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Majlis Penyerahan Sumbangan tersebut diadakan di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) petang tadi.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berjumlah BND23,688.

Sumbangan tersebut merupakan hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta orang ramai melalui Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 yang ditempatkan di Lobi Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma berkenaan

ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh dan Pegawai Kanan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Mengambil kira situasi yang belum masih stabil di Palestin yang tidak membolehkan bantuan kemanusiaan untuk disalurkan, maka tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan sehingga 18 Oktober 2025 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih



SUMBANGAN derma dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

dahulu dari Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus)

disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang

diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pesta Buku cerminkan komitmen jadikan membaca sebagai alat penting

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab yang juga selaku Pengerusi Pesta Buku Brunei 2025 dalam alu-aluannya berucap bahawa Pesta Buku Brunei merupakan antara acara tahunan utama DBP yang mencerminkan komitmen untuk menjadikan membaca sebagai alat penting dalam mempertingkatkan daya berfikir, penguasaan bahasa dan tahap literasi masyarakat kita.

Menurutnya, Pesta Buku Brunei merupakan salah satu usaha teras dalam menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

"Membaca adalah asas kepada ilmu, manakala seni dan budaya adalah cerminan jiwa bangsa. Apabila masyarakat kita mengangkat budaya membaca dan menghargai seni, maka kita sedang membina generasi yang berilmu, berfikir kritis dan berdaya cipta."

"Apabila rakyat membaca, mereka membina pengetahuan. Apabila pengetahuan subur, maka lahir idea-idea besar yang menggerakkan kemajuan negara," jelasnya.

Awang Suip juga menerangkan mengenai tema Pesta Buku Brunei pada tahun ini, iaitu 'Kembara Dunia Buku' membawa mesej bahawa buku bukan sekadar bahan bacaan tetapi wahana yang membawa pembaca merentas batas ruang dan masa, memperkaya minda dengan ilmu, dan membangkitkan daya imaginasi yang subur.

Pengembangan itu tambahnya, menghubungkan kita dengan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2025 (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat mengunjungi salah sebuah reruai di Pesta Buku Brunei 2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

warisan, budaya, bahasa, serta pelbagai idea baharu yang menjadi asas kepada kreativiti dan inovasi. Selaras dengan tema ini, DBP bersama Kumpulan Putra Seni mempersembahkan 'Dunia Ceritera', sebuah ruang penceritaan imersif yang menyatukan ilmu, imaginasi dan seni.

Di sini, pembaca bukan sekadar melihat halaman buku, tetapi merasai detik demi detik kisah itu seolah-olah mereka sendiri menjadi sebahagian daripadanya. Pesta Buku Brunei pada tahun ini disertai oleh 38 pempamer dari negara-negara serantau dan antarabangsa, iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Kesultanan Oman, Jordan, Malaysia dan Republik Turkiye.

Jalinan kerjasama dan hubungan perniagaan antara penggiat industri perbukuan ini dihasrat akan menggalakkan pertukaran ilmu dan budaya serta membuahkan strategi kerjasama yang akan dapat mengembangkan

industri perbukuan di NBD khususnya dan serantau amnya. Pesta Buku Brunei 2025 pagi ini akan menyaksikan pelancaran tujuh judul buku terbaharu terbitan DBP.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyampaikan penghargaan Hadiah Buku Terlaris 2024 dan Anugerah Khas Buku Terlaris 2024, iaitu usaha DBP untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanah air, sama ada yang diterbitkan oleh penerbit kerajaan, swasta mahupun orang perseorangan.

Pada tahun ini, sebuah buku telah mencapai jualan lebih 3,000 naskhah dan menerima Anugerah Khas Buku Terlaris (1 Bintang), iaitu buku berjudul 'Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei' ditulis oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan diterbitkan oleh Jabatan Mufti

Kerajaan.

Selain itu, Hadiah Buku Terlaris bagi Kategori Ilmiah pula diberikan kepada buku bertajuk 'Adab-adab Dalam Islam' ditulis oleh Pegawai-pegawai Ilmu Jabatan Mufti Kerajaan dan diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan.

Sementara Hadiah Buku Terlaris 2024 bagi Kategori Umum diberikan kepada buku 'Menelusuri Arus Seni Silat Cakak Asli Brunei' tulisan Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin, terbitan DBP.

Manakala penerima Hadiah Buku Terlaris 2024 bagi Kategori Sastera pula diberikan kepada buku 'Real Ghost Stories of Borneo 7' nukilan Dr. Aammton Alias, terbitan M Content Creations.

Hadiah Buku Terlaris 2024 bagi Kategori Kanak-kanak seterusnya diberikan kepada buku bertajuk 'Orang Kabilangan Brunei' hasil tulisan bersama oleh peserta Bengkel Penulisan Cerita Folklor Ke-II, diterbitkan oleh DBP.

Dengan adanya penghargaan Anugerah Buku Khas Terlaris

dan Hadiah Buku Terlaris ini dihasrat akan menggalakkan perkembangan penulisan, meningkatkan pertumbuhan industri perbukuan yang lebih kompetitif, meningkatkan kualiti penulisan dan penerbitan, menggalakkan penulis untuk mempromosi dan menjual buku masing-masing sekali gus mendukung dan memperkasa budaya membaca di negara ini.

Pesta Buku Brunei 2025 membawa tema 'Kembara Dunia Buku' dibukakan bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula 22 hingga 31 Ogos 2025, pukul 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali Jumaat pada pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 9.30 malam.

Pesta Buku Brunei kali ini menampilkan 38 pempamer dari dalam dan luar negara yang menawarkan jualan buku dengan potongan harga istimewa. Selain itu, pelbagai kegiatan dan aktiviti menarik bagi setiap peringkat umur turut disediakan.

FORUM MENINGKATKAN KEFAHAMAN TERHADAP PERANAN RASULULLAH



MANGGIS / MADANG, Sabtu, 23 Ogos. - Bersempena dengan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebuah Forum Perdana Tadabbur : Surah Al-Ahzab, ayat 45 hingga 48 telah diadakan malam tadi.

Majlis tersebut diunkayahkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang dengan kerjasama agensi-agensi keagamaan dan komuniti setempat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos juga selaku

Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid.

Forum telah dipengerusikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mohammad Rif'at Atiyah bin Haji Anwari.

Manakala ahli-ahli panel yang dijemput terdiri daripada Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamaru Salam Yusoff; Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda dan Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Antara lain pengisian forum

ialah *tadabbur* dan penghayatan terhadap Surah Al-Ahzab bermula ayat 45 hingga ayat 48, termasuk berkongsi mengenai lima gelaran penting yang diberikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu 'Shahida' bererti saksi kepada umat; 'Mubashira' yang membawa maksud pembawa berita gembira; 'Nadhira' bermaksud pemberi amaran; 'Da iya llallah' bermakna penyeru ke jalan Allah dan 'Siraja Munira' membawa erti cahaya yang menerangi kehidupan.

Selain bagi memperingati keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, forum juga bertujuan untuk memperkukuh pemahaman umat Islam terhadap ayat-ayat suci Al-Quran yang menggambarkan peranan, sifat dan misi kerasulan junjungan kita.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid. (kiri). Manakala gambar atas, para ahli panel semasa menyampaikan pembentangan masing-masing.

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

Seterusnya objektif Forum Perdana juga bertujuan untuk menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul dengan pendekatan *tadabbur* Al-Quran, untuk menanamkan rasa cinta dan rindu terhadap keperibadian Rasulullah, meningkatkan kefahaman terhadap peranan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rahmat bagi seluruh alam dan menyuburkan budaya ilmu dan dakwah dalam masyarakat.

Adalah diharapkan Forum Perdana ini bukan sahaja menjadi medan ilmu tetapi juga platform menyatukan hati umat Islam dalam menghargai dan meneladani

perjuangan Rasulullah. Semoga segala usaha yang dilakukan menjadi amal jariah yang berpanjangan dan memberi kesan positif kepada masyarakat. Majlis juga diserikan dengan bacaan selawat.

Turut hadir, Penasihat Jawatankuasa dan Ahli Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD serta para jemaah terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, persatuan orang kurang pendengaran serta penduduk sekitar Kampung Manggis / Madang dan kawasan berhampiran. Suasana majlis berlangsung dengan penuh khusyuk, ilmiah dan harmoni.



DELEGASI Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diketuai oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa menghadiri Konvensyen Antarabangsa Jawi dan Warisan Melayu (INJAH 2025) selama dua hari pada 18 hingga 19 Ogos 2025 di Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan.

Memperkasa, mendaulatkan tulisan Jawi, Kitab Turath

MALAYSIA, Sabtu, 23 Ogos. - Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPAS), Malaysia menganjurkan Konvensyen Antarabangsa Jawi dan Warisan Melayu (INJAH 2025) selama dua hari pada 18 hingga 19 Ogos 2025 di Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan.

INJAH 2025 dikelola oleh UnIPAS dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang; Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang; Dewan Bahasa dan Pustaka; Perbadanan Muzium Negeri Pahang; Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang; Perpustakaan Awam Pahang; Majlis Kebudayaan Negeri Pahang; Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang dan juga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan INJAH 2025 di hotel berkenaan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang diiringi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Turut sama mengiringi ialah Yang Amat Mulia Tengku Panglima

■ **Siaran Akhbar dan Foto :**
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Raja Brigedier Jeneral Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Turut tidak ketinggalan menyemarakkan INJAH 2025 ini, delegasi KUPU SB yang diketuai oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Konvensyen berkenaan juga menampilkan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk dan Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Abdul Rahman bin Haji Ajak sebagai pembentang.

Semasa Majlis Perasmian Penutupan INJAH 2025 itu juga delegasi KUPU SB turut menyampaikan Cendera Kenangan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang berupa potret wajah baginda yang dihasilkan melalui gabungan Seni Khat Diwani Jali menerusi ejaan nama

baginda.

Karya hebat ini telah dihasilkan oleh anak tempatan dari Pusat Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

INJAH 2025 yang julung-julung kali diadakan ini membawakan tema 'Jawi Dimartabat, Warisan Diangkat'. Antara acara menarik sepanjang konvensyen meliputi Pembentangan Kertas Kerja; Pameran Jawi dan Seni Warisan Melayu serta Pertandingan Jawi, Khat dan Puisi.

Penglibatan KUPU SB, khasnya melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath dalam penganjuran konvensyen ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen yang berterusan dalam memperkasa dan mendaulatkan tulisan Jawi dan Kitab Turath di samping mempergiat hubungan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan di dalam mahupun luar negara.

INJAH 2025 yang julung-julung kali diadakan ini membawakan tema 'Jawi Dimartabat, Warisan Diangkat'. Antara acara menarik sepanjang konvensyen meliputi Pembentangan Kertas Kerja; Pameran Jawi dan Seni Warisan Melayu serta Pertandingan Jawi, Khat dan Puisi.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MAJLIS PEMBUKAAN DIKIR SEMPENA MAULIDUR RASUL

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Ahad, 24 Ogos - Sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya malam tadi mengadakan Majlis Pembukaan

Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.



SEKITAR Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen (atas dan kanan).

Majlis Pembukaan Dikir Maulud dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan wirid, doa dan Surah Al-Fatihah.

Kemudian, majlis diteruskan dengan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam.

Sejurus selesai Sembahyang Fardu Isya Berjemaah, majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban dan bacaan doa agar terselamat dari bala bencana dan segala penyakit serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Di akhir majlis, tetamu kehormat turut menyampaikan sumbangan wakaf kepada wakil Masjid

Ash-Shaliheen.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara pada tahun ini diunkayahkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang, JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



Kemajuan pelan pendidikan serantau dibincangkan

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 24 Ogos. - Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, telah menghadiri Mesyuarat Komite Eksekutif SEAMEO 2025, Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Dalam Pendidikan Kali Ke-20 dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Plus Three Dalam Pendidikan Kali Ke-15 yang diadakan secara *back-to-back* di Bangkok, Thailand bermula pada 20 hingga 22 Ogos 2025.

Mesyuarat Komite Eksekutif SEAMEO diadakan pada setiap tahun dengan menghimpunkan pegawai-pegawai kanan SEAMEO dalam membincangkan mengenai hala tuju dan usaha keseluruhan Unit SEAMEO, menetapkan arah dan memberikan cadangan-

cadangan berkaitan pengurusan Sekretariat SEAMEO serta pembangunan keseluruhan Pusat-Pusat SEAMEO.

Mesyuarat pada tahun ini dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, NBD.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk laporan pelan kerja Sekretariat SEAMEO, rangka kerja hasil, serta cadangan dan laporan projek/program di bawah SEAMEO. Beberapa cadangan juga telah dipersetujui untuk dibentangkan di Mesyuarat Pegawai - pegawai Tertinggi SEAMEO Ke-48 yang dijadualkan berlangsung pada November 2025.

Selepas Mesyuarat EXCO SEAMEO 2025, delegasi NBD turut menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Dalam Pendidikan Kali Ke-20

dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Plus Three Dalam Pendidikan Kali Ke-15.

Mesyuarat tahunan ini diadakan bagi membincangkan isu-isu pendidikan serantau, meneliti kemajuan pelan pendidikan serantau, inisiatif dan aktiviti dalam sektor pendidikan bersama negara-negara anggota ASEAN serta negara-negara ASEAN Plus Three iaitu Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun.

Mesyuarat ini turut membincangkan dan meneroka kerjasama lanjut dalam bidang pendidikan bersama rakan dialog.

Semasa mesyuarat tersebut, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati mengongsikan mengenai kemajuan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan NBD di bawah Pelan Kerja Pendidikan ASEAN



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa menghadiri Mesyuarat Komite Eksekutif SEAMEO 2025, Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Dalam Pendidikan Kali Ke-20 dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Plus Three Dalam Pendidikan Kali Ke-15 yang diadakan secara *back-to-back* di Bangkok, Thailand bermula pada 20 hingga 22 Ogos 2025.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

2021-2025, termasuk SEAMEO VOTTECH dan Akademi Pemimpin dan Guru Brunei Darussalam.

Turut hadir semasa mesyuarat tersebut ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, NBD.

PFNBBD hargai sumbangan, jasa ahli



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Bagi menghargai jasa dan sumbangan para ahlinya, Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBBD) hari ini mengadakan Majlis Malam Penghargaan PFNBBD yang diadakan di Higher Hotel.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Awang Packir bin Abdullah.

PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua PFNBBD, Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Md. Salleh yang antara lain menggariskan, PFNBBD sudah mencapai 57 tahun, tersenarai di dalam pendaftaran persatuan-persatuan Negara Brunei Darussalam.

Pertubuhan ini tambahnya, telah berjaya menjalankan banyak kegiatan-kegiatan dan aktiviti, dan telah melalui proses-proses peralihan yang begitu lama. Ini juga bermakna PFNBBD telah berjaya menempah satu sejarah, sebagai salah satu pertubuhan yang tertua di Negara Brunei Darussalam, yang seharusnya dikekalkan, dan diteruskan kegiatannya, dan seterusnya diambil alih oleh generasi-generasi yang akan datang.

Jelas beliau lagi, PFNBBD berhasrat untuk menjadi satu *hub* atau *focal point*, yang

mempromosikan Seni Fotografi di Negara Brunei Darussalam. Untuk mencapai hasrat ini, PFNBBD hendaklah mengharungi cabaran-cabaran semasa, dengan proaktif dan bijaksana. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa impak perkembangan teknologi, telah banyak mempengaruhi dan mengubah gaya hidup manusia, ekonomi, budaya dan kemasyarakatan.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan serta hadiah dan trofi disampaikan oleh Yang Di-Pertua PFNBBD yang dimulakan dengan penyampaian sijil kepada Ahli Jawatankuasa Eksekutif PFNBBD Sesi 2020-2022 dan 2023-2024.

Seterusnya, penyampaian Anugerah Khas Penghargaan PFNBBD diberikan kepada Haji Hamidun bin Haji Md. Noor, manakala anugerah 'Diploma Brunei Photographic Society (Dip. BPS)' diberikan kepada Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md. Yusof.

Sementara itu, tiga orang penerima bagi anugerah 'Honorary Associateship of Brunei Photographic Society (Hon. ABPS)'

iaitu Awang Hasnan bin Haji Kahan; Awang Kamarudin bin Haji Tahir dan Awang Supian bin Haji Jumaat.

Bagi anugerah 'Honorary Fellowship of Brunei Photographic Society (Hon. FBPS)' pula diberikan kepada Awang Amri bin Haji Md. Salleh; Awang Hadianas Amirwardi bin Haji Mohamad dan Felix Chong Yun Fatt.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah kepada pemenang peraduan penggambaran luar '*outing*' bagi tahun 2024 yang dimenangi oleh Awang Yusma Bahrin.

Seterusnya, penyampaian hadiah kepada pemenang peraduan Photo Walk Belia sempena Hari Fotografi Antarabangsa tahun 2025 kepada Muhammad Azim bin Abu Bakar selaku juara; Mohd. Norhafiz bin Razali selaku naib juara dan Nurul Syahirah Abdullah bin Muhammad Syahir di tempat ketiga.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang peraduan Best Photographer Of The Year bagi tahun 2024 kepada Awang Yusma Bahrin.

ZAHIR RASA SYUKUR BERTEMU RAJA DIKASIHI

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



PENGIRAN Haji Osman bin Pengiran Hidup semasa ditemu bual

7.00 pagi bagi menantikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja.

"Alhamdulillah, saya berasa bersyukur kerana diberikan peluang sekali lagi bagi menghadiri acara yang hanya dapat dirasakan setahun sekali ini.

"Sudah semestinya kami tidak melepaskan peluang untuk berjumpa dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam", kongsi Pengiran Haji Osman lagi.

Sementara itu, bagi salah seorang pendidik yang berasal dari Kampung Piasau-Piasau, Labu, Temburong, Dayang Adek Nur Intan binti Haji Abd. Halim ketika ditemui turut mengongsikan perasaannya apabila berpeluang berkunjung ke majlis tersebut.

"Antara kelainan yang dapat dilihat pada majlis seumpama ini dari sebelumnya adalah melihat kepada hari majlis ini diadakan.

"Seperti yang sedia maklum pada sebelum-sebelum ini acara sering kali diadakan pada waktu hari bekerja dan ini merupakan julung kalinya kami merasakan menghadiri

acara ini di hujung minggu", tambah guru di Sekolah Menengah Sultan Hassan itu lagi.

Beliau yang hadir bersama bersama guru-guru lainnya pada hari ini juga bertanggungjawab selaku guru pengawas para penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan yang terlibat bagi menjayakan acara persembahan pada majlis tersebut turut mengongsikan keterujaan para penuntut yang turut serta.

Jelasnya semangat juang para penuntut berlatih dengan gigihnya sejak beberapa minggu yang lalu dapat dilihat apabila mereka tetap rajin mempersiapkan diri berlatih dengan bersungguh-sungguh meskipun semasa waktu cuti persekolahan.

Dengan sokongan dari ibu bapa, menambahkan lagi semangat para penuntut yang terlibat bagi melakukan yang terbaik bagi seorang raja yang dikasihi. Ia sudah pasti akan menjadi salah satu ristaan untuk diingati suatu masa nanti kerana berpeluang melibatkan diri dalam membuat persembahan pada acara yang cukup dinantikan tersebut.

Pelbagai latar belakang rakyat, bangsa dan puak serta peringkat umur di Daerah Temburong hari ini cukup teruja datang berkunjung ke majlis tersebut. Antara yang sempat ditemui oleh Pelita Brunei pada majlis berkenaan ialah Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Iban Temburong, Janlita Anak Mingan.

Masyarakat Iban di Daerah Temburong lazimnya akan menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di daerah berkenaan pada setiap tahunnya dengan turut mengenakan pakaian tradisi mereka semasa acara berkenaan, kongsi Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Iban Temburong itu.

YANG Dipertua Persatuan Masyarakat Iban Temburong, Janlita Anak Mingan.

"Banyak perubahan dapat dilihat pada acara tahun ini seperti kemudahan khemah bagi orang ramai yang hadir berlandung dari cuaca panas atau hujan yang mana telah memberikan keselesaan buat kami yang hadir.

"Kami juga berasa berbangga, meskipun penduduk di daerah ini tidaklah seramai di daerah lain, tetapi sini menjadi tempat pertama majlis seumpama ini diadakan.

"Mewakili masyarakat Iban di Daerah Temburong, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin menyampaikan ucapan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Ke-79 Tahun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan iringan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia diberikan kesihatan, dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam (NBD)," tambah Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Iban Temburong itu lagi.

Salah seorang pelajar di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong, Dayang Saidatul Syifa Irdhira binti Abdullah, 17 tahun, semasa ditemui pada majlis berkenaan turut mengongsikan keterujaannya bertemu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja bagi membentangkan projek yang dikendalikan oleh mereka di



sekolahnya. Persiapan yang disiapkan selama lebih sebulan bagi acara pada hari ini yang melibatkan seluruh pelajar di kelas Tahun 11C jelas Dayang Saidatul Syifa Irdhira merupakan projek yang memperlihatkan keupayaan mereka dalam mencipta satu ruang belajar di luar sekolah atau yang berdekatan alam semula jadi yang mereka gunakan sebagai alternatif tempat proses pengajaran dan pembelajaran dalam suasana yang luar dari kebiasaannya.

"Ia merupakan peluang yang cukup istimewa bagi kami apabila dapat membentangkan projek kami Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Setelah berusaha membuat persiapan rapi bagi acara pada hari ini, kami berharap agar ia dapat membuahkan hasil," tambah Dayang Saidatul Syifa Irdhira.

Dalam kesempatan yang sama, beliau turut merafakkan doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberikan kesihatan dan seterusnya kekal karar memerintah NBD.

TEMBURONG, Ahad, 24 Ogos. - Perasaan gembira bercampur teruja jelas terpancar di wajah para penduduk serta rakyat yang tinggal dan menetap di Daerah Temburong kerana menjadi daerah pertama bagi Majlis Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Ketika ditemui oleh Pelita Brunei, Pengiran Haji Osman bin Pengiran Hidup, 70 tahun, yang juga merupakan salah seorang ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Bokok mengongsikan keterujaannya untuk terlibat sama menghadiri majlis pada pagi tadi untuk berjumpa secara langsung bersama raja yang sangat dihormati lagi dikasihi. Pengiran Haji Osman yang beserta rakannya yang lain yang menyertai ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Bokok bersemangat hadir ke majlis berkenaan dan sampai di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong, Pekan Bangar seawal pukul



DAYANG Adek Nur Intan binti Haji Abd. Halim dan Dayang Saidatul Syifa Irdhira binti Abdullah semasa ditemu bual (kiri dan kanan).



Lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman mati

DARI MAHKAMAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi kerana membunuh seorang wanita berumur 70 tahun dan anak perempuannya berumur 23 tahun.

Tertuduh, Mohamad Khairulnizam bin Ali Noh, 33 tahun, didapati bersalah selepas perbicaraan atas dua pertuduhan membunuh di bawah Bab 302 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 kerana membunuh

Hajah Jainah binti Haji Husain dan Nor Aqilah binti Abdullah, yang dilakukan antara 4 Oktober 2017 hingga 9 Oktober 2017.

Menurut pertuduhan, pihak pendakwa telah memanggil seramai 44 saksi sepanjang perbicaraan. Tertuduh memberi keterangan dan memanggil seorang saksi, iaitu ibunya, untuk membela dirinya.

Setelah mempertimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan pembelaan oleh tertuduh, Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes

melampaui keraguan munasabah.

Semasa perbicaraan, keterangan menunjukkan bahawa pada 5 Oktober 2017, Hajah Jainah telah meminta tertuduh untuk memandu beliau dan Nor Aqilah, yang separuh buta ke rawatan alternatif di Kampung Bengkurong dengan menggunakan kereta Mitsubishi Mirage milik Hajah Jainah.

Menurut tertuduh, dia hilang sabar apabila kedua-dua mangsa mula bertengkar di dalam kereta. Dia kemudian berhenti di KM48.8 Lebuhraya Muara - Tutong dan menyerang kedua-dua wanita tersebut sehingga mati. Tertuduh meninggalkan mayat Hajah Jainah di tepi lebuhraya dan mayat Nor Aqilah di Jalan Dadap, Kampung Kilanas.

Pada minggu berikutnya, seorang saudara kepada si mati mendapati tertuduh sedang memandu kereta yang sama dan

menyerahkannya kepada pihak polis. Semasa siasatan, tertuduh membawa pihak polis ke lokasi mayat-mayat tersebut dibuang.

Hasil bedah siasat mengesahkan bahawa kedua-dua mangsa mati akibat dicekik, dengan patah leher yang terjadi semasa mereka masih hidup.

Di dalam menjatuhkan hukuman, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Haji Abdullah Soefri bin POKSM DSP Haji Abidin dan Pesuruhjaya Kehakiman Muhammed Faisal bin PDJLD DSP Haji Kefli menegaskan bahawa tertuduh telah membunuh dua wanita yang tidak berdaya dan jenayah ini merupakan satu perbuatan kejam yang mana hukuman paling wajar adalah hukuman mati.

Mahkamah Tinggi juga mensabitkan tertuduh atas satu pertuduhan di bawah Bab 324 Kanun Hukuman Jenayah kerana dengan sengaja menyebabkan

kecederaan dengan menggunakan alat apabila digunakan sebagai senjata, berkemungkinan menyebabkan kematian.

Pertuduhan ini berkaitan dengan kejadian melibatkan Hee Siang Hui, yang cedera di leher akibat dikerat dengan pisau oleh tertuduh. Selain itu, tertuduh turut disabitkan atas tuduhan salah guna tidak jujur ke atas kereta Mitsubishi Mirage BAQ3661, yang berada dalam pemilikan si mati pada waktu kematiannya.

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 5 Julai 2025.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**

QUEENITA ANAK LUTA
No. 17, Simpang 67,
Jalan Kelumbi,
RPN Teres Lumut,
Lumut, KC 5335.
Brunei Darussalam
Tarikh Petisyen: 22 Jun 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 21 Julai 2025

KES NO. BCY/CP/90/2024

Baiduri Finance Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Queenita Anak Luta
BYIC NO. 01-070373
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 5 Julai 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah
Besar pada 1 September 2025 jam
9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 1 September 2025 jam 9.00
pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh: 21 Julai 2025

**Nuuror-Raheebah
Binti Haji Abd Wahab**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



IMBASAN MINGGUAN

PARA jemputan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERGAMBAR kenangan semasa Majlis Hafl Al-Takharuj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-15 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Shahwal Ibrahim Tajudin

PESERTA ketika menyertai Cabaran Bukit Patoi yang julung kalinya diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2025 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Temburong. - Foto : Azmah Haji Ahad

PARA peserta berhimpun bagi memeriahkan acara Walkaton dan Kempen Kebersihan di kawasan persisiran Pantai Seri Kenangan, Daerah Tutong. - Foto : Nurdiyanah Rajami

SALAH sebuah persembahan yang diadakan di The Tutong Youth Festival sempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PAMERAN KETENGGAHKAN INOVASI, KEMAJUAN, KESAN NYATA DUNIA SEBENAR



AWANG Muhammad Arif Hisyamuddin bin Zaidi bersama rakan semasa ditemu bual (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah tengah, antara projek yang diketengahkan pada Pameran Pesta Konvo Ke-10 Universiti Teknologi Brunei (UTB), 2025.

TUNGKU LINK, Sabtu, 23 Ogos. - Bertemakan 'Menghubungkan Idea, Membina Masa Depan - Kerjasama Merentas Disiplin', Pameran Pesta Konvo Ke-10 Universiti Teknologi Brunei (UTB), 2025 antara lain memperlihatkan komitmen UTB dalam menggalakkan kerjasama merentas pelbagai disiplin sebagai pemangkin utama kepada inovasi, kemajuan dan kesan nyata di dunia sebenar.

Dengan menghubungkan idea daripada bidang seperti sains, kejuruteraan, teknologi, reka bentuk dan keusahawanan, UTB memperkasakan mahasiswa dan mahasiswi untuk bersama-sama mencipta penyelesaian inovatif yang mampan, berdaya saing dan bertaraf global.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan meninjau suasana kemegahan ruang Pameran Pesta Konvo UTB yang berlangsung di Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, UTB, pagi tadi yang mana lapan buah projek telah diketengahkan oleh majoritinya terdiri daripada bakal-bakal graduan UTB pada tahun ini.

Salah seorang bakal graduan Ijazah Doktor Falsafah atau PhD dalam bidang Kejuruteraan Sipil,

Dayang Nor 'Aqilah binti Haji Juffle yang mengetengahkan sebuah projek penyelidikan bertajuk 'Adopting Passive Design Strategies in Buildings', antaranya menjelaskan bahawa sektor bangunan merupakan penyumbang utama kepada perubahan iklim kerana ia boleh membawa impak lebih daripada satu pertiga daripada penggunaan tenaga global dan pelepasan karbon dioksida (Co2).

Ini tambahnya, lebih banyak berlaku di zon atau negara beriklim panas lembap (*hot-humid climate*) dan juga ekonomi sedang pesat membangun seperti Malaysia, Thailand, Republik Indonesia dan termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD), yang menggunakan bahan api berasaskan karbon seperti arang batu (*coal*) dan gas asli untuk penjanaan tenaga atau elektrik yang mengeluarkan lebih banyak Co2.

"Walaupun terdapat banyak usaha untuk membendung pelepasan sedemikian, pengeluaran Co2 berkaitan bangunan kekal tidak berubah sejak kebelakangan ini sehingga menjejaskan sasaran global untuk mencapai sasaran sifar karbon

menjelang 2050.

"Oleh itu, strategi reka bentuk pasif atau *passive design strategies* (PDS) perlu diguna pakai dalam sektor bangunan sekali gus dengan memanfaatkan dua fenomena semula jadi matahari dan angin untuk mengurangkan permintaan tenaga bangunan pada tenaga atau elektrik yang dibekalkan secara luaran terutamanya di negara atau rantau yang panas lembap," ujarnya.

Dayang Nor 'Aqilah turut mengongsikan harapan agar penyelidikan yang dilaksanakan itu dapat memberi sumbangan yang berharga kepada wacana pembinaan mampan dalam ekonomi atau negara membangun, terutamanya yang mempunyai iklim panas lembap di ASEAN atau negara seperti negara kita. Walau bagaimanapun, ia boleh diselaraskan ke mana-mana zon atau negara tertentu mengikut metodologi yang dibangunkan untuk kajian ini.

"Dengan menyediakan pelan hala tuju berstruktur untuk menerima pakai PDS, rangka kerja ini menyokong usaha membina lebih banyak bangunan *energy-efficient* dan sejajar dengan matlamat pembangunan mampan yang lebih luas. Ia berfungsi sebagai panduan praktikal untuk penggubal dasar dan profesional industri, menawarkan strategi yang boleh diambil tindakan untuk menutup jurang pengetahuan sedia ada dan memacu ke hadapan penggunaan reka bentuk pasif dalam pembinaan," tambah beliau.

Turut berkesempatan ditemu bual ialah salah seorang peserta pameran yang menampilkan sebuah projek berjudul 'EMG-Controlled Bionic Arm', Awang Muhammad Arif Hisyamuddin bin Zaidi yang antaranya mengongsikan bahawa projek itu merupakan sebuah ciptaan tangan bionik yang dikawal menggunakan isyarat EMG untuk menggerakkan tangan prostetik. Reka bentuk projek ini dibuat sepenuhnya menggunakan teknologi 3D Printing dan menggunakan lima motor untuk mengawal setiap jari.

"Idea projek ini datang daripada keinginan saya untuk menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya golongan kurang upaya seperti *amputee*. Tangan prostetik komersial biasanya sangat mahal, boleh mencecah puluhan ribu ringgit. Oleh itu, saya ingin meneroka bagaimana kita boleh mencipta alternatif yang lebih mampu milik dengan menggunakan teknologi moden seperti 3D Printing dan elektronik kos rendah," tambahnya yang merupakan seorang mahasiswa dalam program Ijazah



■ Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Mechatronics Engineering.

Sementara itu, seorang peserta pameran yang memaparkan sebuah projek bertajuk 'Paddy AI Chatbot', Awang Muhammad Saiful Aizam bin Awang Tahir dalam program Ijazah Sarjana Muda dalam Pengkomputeran (Major dalam Data Analytics) semasa ditemu bual antaranya menjelaskan secara ringkas bahawa projek yang dihasilkannya itu bertujuan untuk mencipta *AI-powered robot* untuk golongan petani yang menggunakan teknologi pintar untuk mengenal pasti penyakit dan perosak yang menjejaskan tanaman padi dengan lebih cepat.

"*Chatbot* memberikan diagnosis yang cepat dan tepat serta nasihat pengurusan yang bermatlamat untuk meningkatkan penggunaan sumber, mengurangkan isu buruh, dan meningkatkan kemampanan dan kecekapan pertanian padi di Brunei," ujar beliau.

Dalam pada itu, pameran juga diserikan dengan lima buah projek yang lain terdiri daripada Awangku Mohammad Afiq Syazwan bin Pengiran Haji Rosli bersama ahli kumpulannya, dengan membawa projek bertajuk 'A Study and Conceptual Design of a Mini Vehicle using Hydrogen Fuel Cell'; Dayang Nuramal Ameerah binti Mustapa menampilkan projek berjudul 'Bridging the Gap : Understanding the Slow Adoption of Digital Transformation in Brunei'; Dayang Nur Izzan binti Duraman mengetengahkan projeknya bertajuk 'Optimizing Extraction of Antioxidant from Kale Waste Through Subcritical Water Extraction Using Response Surface Methodology'; Awang Aiman bin Roslan dengan sebuah projek berjudul 'Solace: Transradial Prosthesis' dan sebuah projek lagi bertajuk 'Communication Gaps between Sports Institutions and Stakeholders in Elite Athletes'

Sports Development' diketengahkan oleh Dayang Basma Lachkar.

Selaras dengan visi UTB untuk menjadi 'Global University of the Future' dan misi untuk melahirkan generasi berwawasan dan berkebolehan, tema Pesta Konvo pada tahun ini jelas mencerminkan nilai teras 'Versatility, Integrity and Perseverance'. Ia mengiktiraf bahawa kejayaan dapat dicapai apabila kepelbagaian minda bersatu melalui gabungan kepakaran teknikal, kreativiti dan kepimpinan beretika.

Ketika dunia berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks, tema ini menekankan kepentingan pembelajaran kolaboratif, inovasi merentas pelbagai disiplin dan manfaat signifikan kepada komuniti, seperti yang ditunjukkan melalui penyelidikan UTB yang bernilai tinggi, projek pelajar yang cemerlang dan inovatif serta graduan yang berdaya saing. Melalui tema ini, UTB mengiktiraf kepentingan integrasi dan graduan yang membentuk masa depan yang berdaya tahan, inovatif dan inklusif untuk semua.



AWANG Muhammad Saiful Aizam bin Awang Tahir dan Dayang Nor 'Aqilah binti Haji Juffle (atas dan kiri sekali).

Pencapaian BruHealth di platform WEF

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Ogos. - Pencapaian Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam bidang kesihatan digital menerusi aplikasi BruHealth telah mendapat perhatian oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum - WEF) menerusi sebuah artikel khas yang disiarkan di *blog* rasmi WEF baru-baru ini.

Artikel tersebut yang bertajuk 'How Brunei's BruHealth Journey

Charts The Future of Digital Health' memaparkan wawasan Kerajaan NBD melalui Kementerian Kesihatan dalam menerajui transformasi kesihatan digital negara.

Artikel ini mengetengahkan perjalanan NBD dalam memperkukuh daya tahan sistem kesihatan, memperkasakan individu untuk bertanggungjawab terhadap kesihatan masing-masing, serta

memanfaatkan *real-time* data untuk menyokong strategi kesihatan awam.

Antara lainnya, artikel tersebut menekankan bagaimana BruHealth telah berkembang melebihi peranan asalnya semasa pandemik, menjadi tunjang utama kepada agenda transformasi kesihatan negara yang lebih meluas.

Ia kini menawarkan pelbagai

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

perkhidmatan seperti pemantauan kesihatan peribadi, tempahan janji temu, rekod vaksinasi dan analisis kesihatan penduduk.

Penampilan NBD di platform WEF ini merupakan satu pencapaian penting yang mengukuhkan lagi komitmen negara terhadap inovasi dalam bidang kesihatan dan matlamat

untuk membina komuniti yang lebih sihat dan berdaya tahan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan.

Artikel penuh boleh dibaca di laman rasmi WEF: <https://www.weforum.org/stories/2025/07/brunei-bruhealth-digital-health>.

Ceramah Khas : Jubli Intan Perkahwinan, 60 tahun nikmat kurnia Allah

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahlaahi Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya, Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

MENGADAP Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta hadirin yang dihormati.

Alhamdulillah, saat yang kita sedang berada sekarang ini adalah saat yang penuh berkat, untuk kita merayakan khas pasangan diraja yang berbahagia bagi menyambut Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan mereka yang bersejarah.

Tidak diragukan lagi perkara ini adalah perkara baik, berupa nikmat kurnia Allah. Selaku nikmat, maka adalah wajar bagi kita untuk menyambut dan merayakannya sebagai tanda kita bersyukur dengan nikmat tersebut.

Bagaimana ia dianggap nikmat? Ya, memang ia nikmat. Lanjut usia adalah nikmat. Berkekalan jodoh adalah nikmat. 60 tahun rumah tangga terus kukuh adalah nikmat. Siapakah pengurnia nikmat itu? Jawabnya Allah! Tidak lain dari Allah. Dan Allah juga menyuruh kita untuk mensyukuri nikmat-Nya itu. Firman-Nya dalam Surah an-Nahl, ayat 114 :

Tafsirnya : "Dan syukurilah oleh kamu nikmat Allah, jika benar kamu menyembah-Nya semata-mata".

Firman-Nya lagi dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur (terhadap nikmat-Ku), nescaya aku akan tambah lagi nikmat-Ku itu kepada kamu".

Nah, sekarang, kita sedang bersyukur atas nikmat Allah mengurniakan usia lanjut kepada kedua-dua raja kita, yang sekali gus menjadi tanda jelas, bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala mengasihi kedua-dua baginda itu.

Berkata Imam at-Tirmidzi Rahimahullah, bahawa setiap hamba yang beriman dan berbuat kebajikan adalah berhak untuk

mendapat kasih sayang ar-Rahman, Tuhan Maha Pemurah.

Di sini, kita menyurut sedikit sejarah raja kita bahawa baginda berdua sejak awal-awal lagi telah menjadi Muslim / Muslimah yang sempurna dengan semua rukun Islam dilaksanakan dan banyak amal-amal kebajikan menjadi pakaian mereka. Ibadat kepada Allah tidak diabaikan. Ibadat sembahyang, ibadat puasa, ibadat haji, ibadat zakat dan membaca al-Qur'an tetap ditunaikan. Ini, menjadi penghubung rapat di antara mereka dengan Allah, ditambah lagi dengan banyak amal kebajikan di luar ibadat fardu juga mereka lakukan, antaranya kebajikan yang sukar ditandingi ialah menyangkuti rakyat melalui kerajaan baginda dengan pelbagai kurnia, seperti kurnia bantuan-bantuan, kurnia subsidi-subsidi dan seumpamanya, tidak terkecuali kurnia-kurnia peribadi kepada rakyat yang memerlukan. Dan jangan kita lupa wadah amal jariah yang sangat bererti yang telah sekian lama wujud iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih yang entah berapa banyak telah menghulurkan bantuan-bantuan kebajikan kepada masyarakat.

Dalam sebuah Hadits Qudsi, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, maksudnya : "Apabila Allah mengasihi atau mencintai seorang hamba, maka Allah akan memanggil malaikat Jibril 'alahissalam dan berfirman : Wahai Jibril, Aku mengasihi si Polan, maka engkau pun hendaklah juga mengasihinya. Lalu Jibril pun mengasihi orang berkenaan. Kemudian diseru ke langit untuk mengarahkan semua malaikat mesti turut mengasihi sama, maka seluruh ahli langit pun turut mengasihi".

Apa makna Allah mengasihi atau mencintai hamba-Nya? Maknanya ialah : Allah redha kepada si hamba itu. Redha Allah adalah segala-galanya. Semua makhluk mengimpikan redha Allah. Para Rasul dan Nabi mengharapkan redha Allah. Para malaikat mengharapkan redha Allah. Para shalihin dan ulama serta kita semua mengharapkan redha Allah, mengapa? Kerana redha Allah itu adalah ia jalan atau pintu ke syurga. Tanpa redha Allah, tiadalah berbangkit jalan atau pintu ke syurga.

Kemudian, mengapa pula Allah memerintahkan para malaikat untuk sama-sama mengasihi hamba yang dikasihi-Nya? Kerana, Allah mahu supaya para malaikat juga hendaklah melakukan sesuatu yang baik ke atas hamba yang

dikasihi itu.

Apakah bendanya yang dimahukan oleh Allah kepada malaikat itu? Allah mahu supaya para malaikat mendoakan orang-orang yang dikasihi-Nya dengan doa-doa kebaikan. Apabila Allah kasih, Dia mengurniakan nikmat. Sementara manakala malaikat kasih, dia mendoakan siapa yang dikasihi itu.

Mengapa Allah mengasihi hamba? Kerana hamba itu beriman dan suka membuat kerja-kerja kebajikan, sebagaimana Imam at-Tirmidzi telah menerangkan perkara ini.

Kita, telah menyebut serba sedikit sejarah raja kita mengenai dengan perkara iman dan kebajikan. Kita mendapati bahawa kedua-dua baginda memang ahli iman dan ahli kebajikan. Lalu kerana itu, kedua-dua baginda memang berhak untuk dikasihi oleh Allah dan sekali gus didoakan oleh para malaikat.

Alhamdulillah, salah satu tanda atau bukti Allah mengasihi kedua-dua baginda, ialah terjadinya Jubli Intan Perkahwinan, di mana 60 tahun rumah tangga bertahan adalah ia benar-benar nikmat kurnia Allah dan juga berkat bagi siapa yang ampunya diri.

Adalah belum lengkap kalau kita belum menyebut contoh kebajikan itu. Di antara banyak-banyak kebajikan, kebajikan yang paling mulia lagi disukai oleh Allah, ialah kebajikan mengeluarkan sedekah. Di sini, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda maksudnya : "Orang bersedekah akan didoakan oleh malaikat". Bunyi doa malaikat itu : "Ya Tuhanku, berilah kepada orang yang bersedekah ini, gantian yang lebih baik dari apa yang disedekahkannya". Lalu berdasarkan doa malaikat itu, berlakulah sebagaimana maksud Hadits : Sedekah tidak mengurangkan harta tetapi sebaliknya menambahkan harta.

Menyebut mengenai 'gantian' yang lebih baik dari apa yang disedekahkan, di sini elok kita menyebut dua contoh berupa kisah benar yang berlaku, Pertama : berlaku ke atas seorang wali Allah dan keluarganya. Wali itu namanya Habib 'Azmi Rahimahullah.

Pada suatu hari, isteri wali ini menguli tepung untuk dibuat roti. Tetapi sebelum itu, si isteri terlebih dahulu pergi ke rumah jirannya untuk mendapatkan kayu api. Sepeninggalannya ke rumah jiran, seorang peminta sedekah telah datang ke rumahnya meminta sedekah. Suaminya wali Allah dengan ikhlas hati mensesdekahkan kesemua sekali tepung yang telah diuli itu. Apabila isteri kembali

semula ke rumah membawa api, didapatinya tepung sudah tiada. Dia bertanya kepada suaminya : "Mana tepung?" Suami menjawab : "Sudah saya sedekahkan kepada peminta sedekah". Mendengar ini, isteri bersunggut mengecam perbuatan suaminya : "Mengapa disedekahkan semuanya? Apa yang akan kita makan? Kalau ia pun, tinggalkanlah sedikit untuk kita".

Sedang keadaan bertambah tegang dan isteri terus berleter, tiba-tiba tanpa diduga, telah muncul seorang lelaki membawa satu bekas besar berisi gulai daging bersama sekian banyak keping roti yang sudah masak.

Allahu Akbar! Lihatlah! Betapa sedekah kadang-kadang dibalas begitu cepat, dibalas dengan balasan yang lebih baik.

Contoh kedua berupa Hadits Nabi menceritakan tentang seorang pengembara sedang berjalan-jalan di kawasan terbuka, tiba-tiba pengembara ini mendengar satu suara dari dalam awan. Suara itu berbunyi : *اشق حبة فدان* (Ertinya : "Siramlah kebun si Polan". (Dengan menyebut nama pemilik kebun yang dikehendaki). Lalu kelihatanlah awan bergerak menuju ke satu tempat, diikuti oleh pengembara, dan pengembara mendapati hujan turun di sebuah kebun sedang di tempat lain tiada hujan. Maka pengembara pun masuk ke kebun dan berjumpa dengan pemilik kebun dan bertanya : "Wahai hamba Allah, apakah yang kamu sudah buat, sehingga awan berkhidmat menyiram kebun kamu". Pemilik kebun menjawab : "Saya hanya perlu memastikan setiap hasil kebun saya akan dibahagikan kepada tiga: satu bahagian (1/3) saya utukkan kepada fakir miskin, 1/3 lagi untuk kami sekeluarga makan, dan 1/3 lagi untuk kepentingan urusan kebun. Itu sahaja".

Di sini, dalam kisah pertama, siapakah lelaki yang membawa gulai daging semangkuk besar dan roti? Dan dalam kisah kedua pula, suara siapakah dari dalam awan yang menyuruh menyiram kebun? Siapa mereka itu?

Tidak boleh ditolak begitu saja, sekiranya ada pendapat bahawa lelaki yang membawa gulai daging semangkuk besar dan roti dan suara dari dalam awan yang menyuruh supaya kebun disiram adalah harus sahaja kedua-duanya itu makhluk malaikat yang diperintahkan oleh Allah untuk membawa gulai daging dan roti dan untuk menyiram kebun sebagai balasan sedekah tepung yang diuli dan balasan sedekah 1/3 hasil kebun yang diutukkan kepada fakir miskin.

Demikian itulah hebatnya keberkatan sedekah : Sedekah berupa tepung yang diuli dan sedekah berupa 1/3 dari hasil tanaman yang diperuntukkan secara tetap kepada fakir miskin menjadi punca, dengan kehendak Allah, berlakunya tadbir urus ketuhanan dengan kedatangan gulai daging dan roti dan awan diarah untuk menghujani kebun. Demikian, kerana sedekah, pelbagai kejadian-kejadian ganjil atau aneh boleh sahaja berlaku.

Dari kisah wali dan hadits ini dapatlah diambil pengajaran bahawa Allah tidak mensia-siakan pengorbanan hamba, khususnya pengorbanan yang berupa harta benda atas nama sedekah.

Allah Subhanahu wa Ta'ala



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan ceramah pada Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong pada Isnin, 18 Ogos 2025 Masihi bersamaan 24 Safar 1447 Hijrah.

**Teks : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan
Foto : Jabatan Penerangan**

Maha Mengetahui segala-galanya. Termasuk mengetahui bahawa raja kita adalah penggemar sedekah. Sama ada sedekah itu melalui kerajaan baginda yang tidak asing lagi, berupa pelbagai bentuk bantuan seperti kurnia-kurnia termasuk subsidi-subsidi dan sebagainya. Kemudian sedekah itu diluaskan lagi skopnya berupa sedekah-sedekah atau kurnia-kurnia peribadi baginda-baginda berdua seperti contohnya sedekah atau kurnia yang sangat bermakna melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih dan sedekah yang diberi jolokan nama sebagai 'Kurnia Peribadi' yang dikurniakan sempena menyambut Hari Raya Idulfitri, yang diterima oleh ribuan rakyat yang memerlukan di seluruh negara.

Nah dengan ini, tidaklah diragukan lagi, bahawa Allah memang menyukai dan meredhai baginda-baginda berdua, serta para malaikat pula mendoakan mereka. Doa malaikat bukan calang-calang doa. Doa malaikat amatlah tajam, kerana mereka adalah makhluk yang suci yang tidak pernah melakukan sebarang dosa, kerana itu doa mereka sentiasa terangkat, tidak pernah ditolak oleh Allah. Maka bagi siapa yang mendapat doa malaikat, maka tidak diragukan lagi, mereka adalah orang-orang yang paling beruntung lagi berbahagia.

Ampun beribu ampun, sekian sahaja ceramah ringkas. Menjunjung ribuan ampun jua jika sekiranya terdapat sebarang kekhilafan atau sorok langkah.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

APA makna Allah mengasihi atau

mencintai hamba-Nya? Maknanya ialah :

Allah redha kepada si hamba itu. Redha Allah adalah segala-galanya. Semua makhluk mengimpikan redha Allah. Para Rasul dan Nabi mengharapkan redha Allah. Para malaikat mengharapkan redha Allah. Para shalihin dan ulama serta kita semua mengharapkan redha Allah, mengapa? Kerana redha Allah itu adalah ia jalan atau pintu ke syurga. Tanpa redha Allah, tiadalah berbangkit jalan atau pintu ke syurga.

AMALAN BULI BERISIKO LAHIR GENERASI HILANG NILAI HORMAT, KASIH SAYANG



MELAKA, 24 Ogos. - Amalan buli berisiko melahirkan generasi yang hilang nilai hormat dan kasih sayang sesama insan, kata Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata perbuatan buli bukan sahaja merosakkan mental dan emosi mangsa malah boleh mengakibatkan pelbagai tragedi.

"Apakah perbuatan buli dan menganiaya orang lain sesuatu yang boleh dibiarkan tanpa tindakan tuntas oleh kita semua?" katanya ketika berucap pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka di Seri Negeri di sini hari ini.

Bagi melaksanakan kempen antibuli secara menyeluruh seperti

dititahkan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, beliau mencadangkan agar dimasukkan satu program antibuli berasaskan pendidikan serta pertandingan bertajuk "Kesopanan dan Kesusilaan" sebagaimana termaktub dalam prinsip kelima Rukun Negara.

Ali berkata pertandingan itu perlu bermula daripada sekolah rendah hingga peringkat institusi pengajian tinggi, pusat latihan sama ada awam atau swasta bagi menyemai nilai akhlak yang mulia.

"Sebagai rakyat Malaysia, sesungguhnya prinsip Rukun Negara kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian oleh setiap lapisan

masyarakat.

"Kita perlu renungkan setiap kali kita ingin melakukan sesuatu, kita perlu bertanya apakah ia sopan dan bertatasusila? Kini ramai rakyat Malaysia dan dunia yang jiwanya kosong.

"Semoga Allah S.W.T merahmati hidup kita di dunia yang sementara ini dengan amal makruf nahi mungkar. Amalkan perkara yang baik dan menolak perkara tidak baik," katanya.

Beliau berkata insituisi kekeluargaan juga memainkan peranan penting dalam menyemai prinsip kesopanan dan kesusilaan bermula daripada kanak-kanak lagi.

Ali berkata ia seiring dengan tuntutan dan didikan agama Islam

serta ajaran Rasulullah S.A.W agar mengamalkan nilai hidup dan akhlak yang baik serta saling menyayangi serta dan menghormati sesama insan, malah setiap agama lain turut mengajar perkara sama.

"Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada waris dan ahli keluarga adik Zara Qairina Mahathir yang telah kembali ke rahmatullah pada 17 Julai lepas yang dikaitkan dengan insiden buli di asrama Sekolah

Menengah Agama Tun Datuk Mustafa Limauan, Sabah.

"Saya juga menjunjung titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang menitahkan agar kerajaan perlu melaksanakan kempen anti buli secara menyeluruh bagi membendung gejala buli ini sejak di peringkat sekolah rendah lagi," katanya. - ©BERNAMA

Perdana Menteri India Modi lakukan lawatan 2 hari ke Jepun mulai 29 Ogos

TOKYO, 23 Ogos. - Perdana Menteri India, Narendra Modi akan mengadakan lawatan dua hari ke Jepun mulai 29 Ogos dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya Shigeru Ishiba, lapor agensi berita Kyodo memetik pengumuman Kerajaan Jepun pada Jumaat.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan pengukuhan kerjasama dua hala dalam bidang seperti keselamatan ekonomi, menurut sumber yang rapat dengan perkara berkenaan.

Jepun sedang menimbangankan

komitmen untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta di India kepada 10 trilion yen (AS\$68 bilion) dalam tempoh sedekad akan datang, berbanding sasaran semasa 5 trilion yen yang diumumkan pada 2022 bagi sektor awam dan swasta.

Sasaran baharu itu dijangka dimasukkan dalam dokumen hasil yang akan diterbitkan selepas sidang kemuncak berkenaan, menurut sumber berkenaan.

Ishiba dan Modi juga dijadual melawat Wilayah Miyagi di timur laut Jepun, di mana mereka akan menyaksikan ujian kereta api 'shinkansen' berkelajuan tinggi

serta melawat sebuah pengeluaran utama Jepun dalam peralatan pembuatan cip.

Hubungan Jepun dan India semakin erat sejak beberapa tahun kebelakangan ini di tengah-tengah kebimbangan yang meningkat di Indo-Pasifik terhadap pendirian China yang semakin tegas.

Kali terakhir Perdana Menteri Modimelawat Jepun pada 2023 bagi menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Tujuh (G7) di Hiroshima.

Walaupun bukan anggota G7, India dijemput menghadiri perhimpunan itu. - ©BERNAMA

Mahkamah Berlin hentikan penukaran nama jalan kontroversi

BERLIN, 23 Ogos. - Sebuah mahkamah di Berlin menghalang penukaran nama jalan kontroversi di ibu negara Jerman itu, sekali gus menghentikan perubahan berkenaan walaupun papan tanda baharu telah dipasang, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mahkamah Pentadbiran Berlin menerima rayuan tergeper terhadap penukaran nama itu, kata jurucakap pada Jumaat. Jalan berkenaan tidak boleh dinamakan semula sehingga saman terbabit diselesaikan, katanya.

Aktivis sejak sekian lama berusaha menukar nama

'Mohrenstrasse' di pusat bandar raya Berlin kerana istilah 'Mohr' secara sejarah digunakan bagi merujuk individu keturunan Afrika dalam bentuk penghinaan.

Pernyataan itu berasal daripada istilah Latin 'Maurus' ('Moor') dan kemudiannya dikaitkan dengan kolonialisme, perhambaan serta karikatur perkauman.

Nama baharu yang dirancang, Anton - Wilhelm - Amo - Strasse, adalah sebagai penghormatan kepada ahli falsafah dan peguam keturunan Afrika pertama yang memperoleh ijazah kedoktoran di sebuah universiti Jerman pada

abad ke-18.

Papan tanda pertama dengan nama Anton - Wilhelm - Amo - Strasse telah pun dipasang, dengan majlis pelancaran rasmi dijadual pada Sabtu.

Namun, dalam pengumumannya, mahkamah di Berlin itu menyatakan tiada keperluan mendesak untuk menukar nama jalan terbabit.

Mahkamah Pentadbiran dan Mahkamah Tinggi Pentadbiran Berlin-Brandenburg sebelum ini pernah memutuskan bahawa penukaran nama boleh diteruskan dalam satu saman terdahulu. - ©BERNAMA

Bank Swiss didenda gagal cegah pengubahan wang haram

GENEVA, 23 Ogos. - Pejabat Pendakwa Persekutuan Switzerland mengenakan denda 3.5 juta franc Swiss (AS\$4.34 juta) terhadap bank persendirian J Safran kerana terbabit dalam kes rasuah antarabangsa, lapor agensi berita Jerman dpa.

Pejabat Peguam Negara menganggarkan nilai jenayah yang dilakukan bank milik Kumpulan J. Safran dari Brazil itu berjumlah 71 juta franc (AS\$88 juta).

Siasatan berhubung skandal dikenali sebagai kes Lava Jato bermula pada 2018, menurut pejabat pendakwa negara.

Akaun di bank itu digunakan untuk menerima dan memindahkan rasuah daripada syarikat minyak dan pembinaan. Dana didakwa

dibayar kepada eksekutif syarikat minyak milik kerajaan Brazil, Petrobras.

Pejabat pendakwa mendapati bank itu tidak mengambil langkah mencukupi untuk mencegah pengubahan wang haram antara 2011 hingga 2014, yang mengakibatkan seorang bekas pengurus aset dijatuhi hukuman penjara enam bulan dengan penangguhan.

Petrobras juga mempunyai akaun dengan bekas bank persendirian Switzerland, Sarasin, yang telah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Safran Brazil selama lebih 10 tahun. "Pelanggaran ini menjejaskan integriti pusat kewangan

Switzerland," kata Pejabat Pendakwa Persekutuan pada Jumaat.

Pejabat pendakwa menyatakan penalti yang dikenakan itu adalah muktamad kerana pihak terbabit melepaskan hak mereka untuk merayu.

J. Safran Sarasin ialah sebuah bank persendirian Switzerland yang ditubuhkan pada 1841 dan beribu pejabat di Basel, Switzerland. Ia kini dimiliki Kumpulan J. Safran Brazil dan distruktur semula pada 2013 apabila Kumpulan Safran memperoleh Bank Sarasin & Co. Ltd. lalu menggabungkannya dengan anak syarikatnya, Bank Jacob Safran Switzerland. - ©BERNAMA

Mayat dua pelombong tertimbus ditemukan di Sulawesi Utara

MANADO, Indonesia, 24 Ogos. - Pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) pada Sabtu menemukan mayat dua pelombong emas yang tertimbus akibat tanah runtuh di Dusun Entana Mahamu, Daerah Kepulauan Sangihe, Sulawesi Utara, lapor agensi berita ANTARA.

Pasukan itu melibatkan anggota Basarnas, Tentera Nasional Indonesia (TNI), Polis Republik Indonesia (Polri), pegawai kerajaan tempatan serta penduduk setempat.

Mangsa dikenali sebagai Jatri Lomboh dan Victor Luis Pontoh, yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh pada Jumaat.

Operasi SAR dimulakan sebelum tengah malam dengan kaedah penggalian manual menggunakan pam air bagi mengesan mangsa.

Namun, kedua-duanya dijumpai dalam keadaan tidak bernyawa.

Jatri Lomboh ditemukan pada 9.32 malam waktu tempatan, manakala Victor Luis Pontoh dijumpai kira-kira 40 minit kemudian pada 10.13 malam.

"Mayat mereka kemudian diserahkan kepada keluarga masing-masing," kata Pegawai Perhubungan Awam Pejabat SAR Manado, Nuriadin Gumeleng.

Beliau turut menegaskan risiko tinggi tanah runtuh di kawasan perlombongan tradisional, sambil mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada. - ©BERNAMA

Iran, kuasa Eropah sambung rundingan nuklear sebelum tarikh akhir sekatan

TEHRAN, 23 Ogos. - Iran dan kuasa Eropah akan menyambung semula rundingan mengenai program nuklear Tehran dan pelepasan sekatan pada Selasa, beberapa hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan Perancis, Britain dan Jerman untuk mengaktifkan mekanisme sekatan *snapback*, menurut Kementerian Luar Iran, lapor Xinhua.

Keputusan itu dibuat susulan panggilan telefon bersama pada Jumaat antara Menteri Luar Iran Seyed Abbas Araghchi dengan Menteri Luar Perancis Jean-Noel Barrot, Menteri Luar Jerman Johann Wadephul, Menteri Luar Britain David Lammy serta Ketua Dasar Luar Kesatuan Eropah Kaja Kallas, menurut kementerian itu. Mesyuarat akan diadakan di peringkat timbalan menteri luar.

Klausu *snapback*, yang merupakan sebahagian daripada Pelan Tindakan Komprehensif Bersama (JCPOA) 2015, membolehkan kuasa dunia mengembalikan sekatan antarabangsa sekiranya Iran gagal mematuhi perjanjian itu. Araghchi berkata tiga negara Eropah berkenaan tidak mempunyai kuasa untuk mengaktifkan mekanisme itu dan memberi amaran tentang akibat jika sekatan dipulihkan.

Menteri Luar Perancis Barrot mengesahkan rundingan itu dalam satu hantaran di platform media sosial X, menyatakan beliau telah berbincang dengan rakan sejawat Jerman dan Britain serta Kallas dari EU dan Araghchi dari Iran mengenai program nuklear dan sekatan terhadap Iran yang sedang kami sediakan untuk dikuatkuasakan semula.

Araghchi berkata Iran akan bertindak tegas mempertahankan diri tetapi kekal komited terhadap diplomasi. Beliau turut mengulas cadangan Eropah untuk melanjutkan ketetapan Resolusi 2231 Majlis Keselamatan PBB, yang mengesahkan JCPOA, bagi memberi lebih masa untuk rundingan. Sebarang keputusan sebegini, katanya, terletak pada Majlis Keselamatan.

Menurut kenyataan Iran, Perancis, Jerman dan Britain telah menawarkan Tehran lanjutan terhad Resolusi 2231 sebagai pertukaran untuk menyambung rundingan dengan Amerika Syarikat dan menangani kebimbangan Barat mengenai program nuklearnya. Para menteri Eropah mengulangi kesediaan mereka untuk mencari penyelesaian diplomatik.

Sejak September tahun lalu, Iran telah mengadakan beberapa pusingan rundingan dengan tiga negara Eropah itu, terbaru di Istanbul pada akhir Julai. - ©BERNAMA



Motivasikan diri untuk bersenam



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

BERSENAM merupakan satu aktiviti fizikal yang dilakukan secara berkala dengan tujuan untuk meningkatkan tahap kecergasan tubuh badan. Dalam dunia moden yang semakin mencabar dan penuh tekanan, gaya hidup sihat sering diabaikan, lantas menjadikan amalan bersenam sebagai satu keperluan penting. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti fizikal secara konsisten dapat membawa pelbagai manfaat kepada individu, bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga mental dan sosial.

Namun, untuk memulakan matlamat bersenam, individu tersebut perlu menanamkan sikap yang cekat dan secara konsisten memotivasikan diri untuk mengamalkan gaya hidup sihat melalui bersenam.

Meskipun, memotivasikan diri untuk bersenam memang

mencabar, terutama bila kita rasa letih, sibuk, atau kurang semangat. Tapi dengan pendekatan yang betul, individu itu boleh cipta momentum untuk kekal konsisten. Kekurangan motivasi merupakan salah satu halangan utama dalam mengamalkan gaya hidup aktif, terutamanya individu yang sering terikat dengan komitmen kerja dan kehidupan harian.

Motivasi ini adalah bagi mendorong seseorang untuk bertindak, termasuk dalam aspek menjaga kesihatan diri melalui senaman. Oleh itu, penting untuk kita memahami cara-cara yang dapat membantu mengekalkan dan meningkatkan motivasi untuk bersenam demi kesejahteraan jangka panjang.

Salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan motivasi ialah dengan menetapkan

matlamat yang jelas dan boleh dicapai.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk menerapkan aktiviti bersenam dalam kehidupan seharian yang setentunya memberikan impak yang positif dalam kesihatan fizikal, kesejahteraan mental dan interaksi sosial.

Dari segi kesihatan, bersenam secara berkala mampu meningkatkan sistem kardiovaskular, menguatkan otot serta memperbaiki fungsi paru-paru. Selain itu, ia juga membantu dalam pengurusan berat badan dengan membakar kalori serta meningkatkan kadar metabolisme.

Bukan itu sahaja, aktiviti bersenam ini dapat meningkatkan fleksibiliti dan ketahanan fizikal seseorang, sekali gus memudahkan mereka menjalani aktiviti harian dengan lebih cekap.

Apabila menyentuh mengenai kesihatan mental, juga berperanan besar dalam meningkatkan kesihatan mental. Aktiviti fizikal dapat merangsang pengeluaran hormon endorfin, yang dikenali sebagai hormon gembira. Ini dapat membantu dalam mengurangkan tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Terdapat pelbagai jenis senaman yang boleh dilakukan, salah

satunya adalah senaman kardio. Senaman ini merangkumi berjalan laju; berlari atau berjoging; berbasikal (luar atau statik), berenang; lompat tali; menari seperti aktiviti Zumba atau aerobik; mendaki bukit dan bersukan seperti bermain bola sepak, badminton dan bola jaring. Semua aktiviti tersebut meningkatkan kadar denyutan jantung dan pernafasan.

Secara kesimpulannya, bersenam merupakan satu amalan yang membawa pelbagai manfaat menyeluruh kepada individu dari aspek fizikal, mental dan sosial. Dalam usaha membentuk masyarakat yang sihat dan produktif, budaya bersenam wajar diterapkan sejak peringkat awal kehidupan. Oleh itu, pihak kerajaan, institusi pendidikan serta masyarakat harus bekerjasama

dalam mempromosikan aktiviti fizikal sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian.

Motivasi untuk bersenam tidak datang secara tiba-tiba, tetapi perlu dibina dan dipupuk secara berterusan. Melalui penetapan matlamat yang realistik, pemilihan aktiviti yang menyenangkan, sokongan sosial, serta pemantauan kemajuan diri, individu dapat mengatasi cabaran untuk kekal aktif secara fizikal. Amalan bersenam yang konsisten bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan fizikal, tetapi juga menyumbang kepada kestabilan emosi dan kesejahteraan hidup secara keseluruhan. Justeru, marilah kita sama-sama memupuk motivasi dalam diri dan menjadikan senaman sebagai sebahagian daripada rutin harian yang sihat.

DARI segi kesihatan, bersenam secara berkala mampu meningkatkan sistem kardiovaskular, menguatkan otot serta memperbaiki fungsi paru-paru. Selain itu, ia juga membantu dalam pengurusan berat badan dengan membakar kalori serta meningkatkan kadar metabolisme.



MIRI FA JUARA PIALA LELA CHETERIA 2025



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar berangkat selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengurniakan piala rebutan, trofi dan pingat kepada pasukan pemenang, Miri FA (atas). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada perlawanan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 24 Ogos. - Miri FA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dinobatkan sebagai juara kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan U18 dan seterusnya menjulang Piala Lela Cheteria 2025 selepas menewaskan Kasuka FC dengan jaringan 3 - 2 di Padang dan Belapan, Berakas.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar berangkat selaku tetamu kehormat majlis, dan seterusnya mengurniakan piala rebutan, trofi dan pingat kepada pasukan pemenang.

Miri FA mengukuhkan kedudukan di puncak dengan mengutip 38 mata, berjaya membawa pulang Piala Lela Cheteria 2025, trofi juara dan pingat perseorangan dan cek berbentuk wang tunai BND5,000.

Sementara Limbang FA selaku naib juara memenangi trofi, pingat perseorangan dan cek berbentuk wang tunai BND3,000.

Manakala, PKT FT yang menduduki tangga ketiga memenangi hadiah trofi, cek berbentuk wang tunai BND2,000 dan pingat perseorangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz juga mengurniakan anugerah OA Terbaik kepada Mohd. Danish Bazli Mohd. Sumady dari Shada FT dan anugerah Pemain U18 Terbaik dimenangi oleh Muhd. Fakhru Radzi@Nurfakhru bin Haji Haslin dari PKT FT.

Bagi anugerah Penjaga Gol Terbaik pula, diberikan kepada pemain PKT FT, Muhd. Shahrul Haikal bin Aminor Rashid dan PKT FT yang mempamerkan permainan yang menyerlah menerima anugerah Pasukan Terbaik Kejohanan, sementara Supastrikas FT pula menerima anugerah Fair Play Team.

Penjaring gol terbanyak dianugerahkan kepada Abiodun Fatai dari Gergasi FC yang menjaringkan sebanyak 16 gol.

Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan U18 merebut Piala Lela Cheteria merupakan anjuran Yakin Football League yang ditaja oleh Bravo Auto Sendirian Berhad dan telah disertai oleh lapan buah pasukan termasuk Limbang FA dan Miri FA sebagai pasukan jemputan.

Perlawanan Persahabatan Badminton eratkan silaturahmi



Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community

SARAWAK, MALAYSIA, Ahad, 24 Ogos. - Pasukan Badminton Veteran Bengkurong

Community (BVBC) baru-baru ini telah mengadakan Perlawanan Persahabatan

Badminton dengan Pasukan Badminton Lawas, Sarawak, Malaysia.

Turut menyertai Pasukan BVBC ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat

PERLAWANAN Persahabatan Badminton antara Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) dengan Pasukan Badminton Lawas, Sarawak telah diadakan di Dewan Top Sport, Lawas, Sarawak, Malaysia. Pasukan BVBC juga disertai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' yang juga selaku Penasihat BVBC II.

Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' yang juga selaku Penasihat BVBC II.

Sementara itu, Pasukan Umchoii Badminton Club Lawas diketuai Haji Hamdan.

Antara tujuan perlawanan diadakan ialah untuk mengeratkan silaturahmi antara kedua-dua pasukan.

Perlawanan telah diadakan di Dewan Top Sport, Lawas Sarawak, Malaysia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERIMALAH NASIHAT YANG IKHLAS DIBERI SEBAGAI TANDA KASIH SAYANG